



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
*The National University of Malaysia*

# TITIK BANTU

Himpunan Kisah Klien dan Intervensi Pekerja Kes.

Editor: Norulhuda, Norjana, Al-Azmi

## TITIK BANTU: HIMPUNAN KISAH KLIEN DAN INTERVENSI KERJA KES

Edisi Pertama: 2018

Institut Sosial Malaysia

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Hak cipta terpelihara ©

Tiada mana-mana bahagian dalam buku ini yang boleh digunakan atau dihasilkan semula dalam apa jua bentuk tanpa mendapat kebenaran bertulis kecuali dalam petikan ringkas bagi artikel atau kritikan.

Buku ini adalah hasil karya asli. Semua nama, karakter, organisasi, tempat, program dan sebagainya telah dinyatakan dengan jelas sumber rujukannya.

Rekabentuk Buku dan Kulit Depan oleh Institut Sosial Malaysia

### Editor:

Ketua Editor : Dr. Norulhuda Sarnon

Editor UKM : Dr. Norjana Saim

Editor ISM : Dr. Al Azmi Bakar

### Panel Penilai

Penilai Dalam : Dr. Ezarina Zakaria (UKM)

Penilai Dalam : Prof. Madya Dr. Mawar Safei (UKM)

Penilai Luar : Dr. Sopian Brahim (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia)

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Katalog Dalam Penerbitan

### KERJASAMA DI MALAYSIA ANTARA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DENGAN INSTITUT SOSIAL MALAYSIA


Editor: Norulhuda Sarnon, Norjana Saim, Al Azmi Bakar

ISBN: 978-967-5472-31-2

I. Kerja sosial 2.Pekerja Sosial 3.Intervensi 3.Kerja Kes 4. Kisah Benar



“Pekerja Sosial punyai tangan yang tidak jijik menyeluk selut dosa orang lain, punyai jiwa yang tidak gentar bersama klien meniti gelombang hidup, punyai mata yang tidak buta menilai derita mangsa dan punyai mulut yang tidak bising untuk menceritakan segala kebaikan yang telah dilakukan... Pekerja sosial, bantuanmu tidak pernah bernokhtah kekal, malah titik hitam itulah permulaan sebuah hubungan...”



## Isi Kandungan

KATA ALU- ALUAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT.....	i
SEKAPUR SIRIH PENGARAH INSTITUT SOSIAL MALAYSIA .....	ii
SEULAS PINANG PENYELARAS PROGRAM DIPLOMA PASCA SISWAZAH KERJA SOSIAL UKM-ISM .....	iii
PRAKATA .....	iv
SENARAI PENULIS .....	o
<i>Kisah 1. KASIH YANG TERLERAII</i> .....	o
Cadangan intervensi .....	2
Tips mangsa keganasan rumah tangga.....	5
<i>Kisah 2. BUKANINI YANG KUPINTA.....</i>	6
Cadangan intervensi .....	8
Tips ibu bapa anak hamil tanpa nikah .....	10
<i>Kisah 3. GORESAN DUKA SEMALAM.....</i>	11
Cadangan intervensi .....	14
Tips mengatasi sumbang mahram adik beradik .....	16
<i>Kisah 4. AKU DAN HARAPAN HIDUPKU.....</i>	17
Cadangan intervensi .....	19
Tips ibu muda hamil tanpa nikah .....	21
<i>Kisah 5. SIAPA AKU.....</i>	23
Cadangan intervensi .....	25
Tips remaja aktif.....	28
<i>Kisah 6. TERPASUNG DERITA.....</i>	30
CADANGAN INTERVENSI.....	33
Tips mangsa keganasan rumah tangga.....	35
<i>Kisah 7. SEREDUP MATA BALQIS .....</i>	36
CADANGAN INTERVENSI.....	37
Tips penjagaan kanak-kanak di kawasan berisiko.....	39
<i>Kisah 8. MASIH ADA SINAR DI HUJUNG GELAP .....</i>	40

<b>CADANGAN INTERVENSI.....</b>	<b>43</b>
Tips untuk pesakit skizofrenia.....	46
<i>Kisah 9. TABAHKANLAH HATIKU .....</i>	48
<b>CADANGAN INTERVENSI.....</b>	<b>50</b>
<b>Tips membantu ibu tunggal .....</b>	<b>52</b>
<i>Kisah 10. KURINDU DAKAPAN ABAH &amp; MAMA .....</i>	53
<b>CADANGAN INTERVENSI.....</b>	<b>57</b>
<b>Tips kejiranan prihatin .....</b>	<b>59</b>
<i>Kisah 11. SUNYI... AYAH, AKU SENTIASA BERHARAP .....</i>	60
<b>CADANGAN INTERVENSI.....</b>	<b>62</b>
Tips ibu bapa yang mempunyai anak murung .....	64
<i>Kisah 12. DIALAH SYAITAN ITU .....</i>	65
<b>CADANGAN INTERVENSI.....</b>	<b>67</b>
<b>Tips pencegahan seks kanak-kanak perempuan.....</b>	<b>70</b>
<i>Kisah 13. AQIEF.....</i>	71
<b>CADANGAN INTERVENSI.....</b>	<b>74</b>
<b>Tips menangani anak yang sukar menerima AHLI KELUARGA BARU.....</b>	<b>76</b>
<i>Kisah 14. INSAF .....</i>	77
<b>CADANGAN INTERVENSI.....</b>	<b>79</b>
<b>Tips remaja yang menjalani perintah khidmat masyarakat.....</b>	<b>80</b>
<i>Kisah 15. APA SALAHKU?.....</i>	82
<b>CADANGAN INTERVENSI.....</b>	<b>83</b>
<b>Tips kepada remaja .....</b>	<b>85</b>
<i>Kisah 16. AWAN HITAM YANG TIDAK BERHUJAN .....</i>	86
<b>CADANGAN INTERVENSI.....</b>	<b>89</b>
<b>Tips jika kanak-kanak dibuli.....</b>	<b>91</b>

## KATA ALU- ALUAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT

*Salam Sejahtera dan Salam Negaraku,*



Terlebih dahulu setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dengan menghasilkan buku bertajuk **Titik Bantu: Himpunan Kisah Klien dan Intervensi Pekerja Kes** iaitu himpunan kisah benar dalam masyarakat yang ditulis oleh peserta-peserta Program Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial (DPSKS) anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) ini. Penghasilan buku ini berada dalam trajektori yang tepat kerana keluarga dan masyarakat hari ini memerlukan

panduan dan bimbingan dalam mencakna kehidupan sehari-hari. Saya percaya buku ini mampu memberi manfaat kepada semua pembaca dan secara tidak langsung membantu dalam melonjakkan profesion pertolongan terutama bidang Kerja Sosial dalam meningkatkan kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat.

Keutamaan bagi memastikan institusi keluarga di Malaysia terus sejahtera sepertimana yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11) telah mengangkat kepentingan institusi keluarga sebagai agenda dalam membina masyarakat yang produktif dan berjaya. Tanggungjawab untuk menyejahterakan keluarga di Malaysia perlu disokong oleh pelbagai pihak termasuk institusi pengajian tinggi. Oleh yang demikian, penghasilan buku ini dilihat sebagai antara output daripada program latihan kepada kakitangan KPWKM. Latihan yang telah dirancang oleh pihak KPWKM bersama institusi pengajian tinggi ini bertujuan menawarkan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan profesional kepada keluarga dan masyarakat khususnya dalam bidang Kerja Sosial yang sangat relevan dalam perkhidmatan kemanusiaan di negara kita.

Tidak dapat dinafikan bahawa institusi keluarga masa kini sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran kesan daripada modenisasi dan teknologi tanpa sempadan. Dalam mengharungi cabaran ini, jika keluarga gagal menjalankan fungsinya, maka akan terdedah kepada kepincangan yang dapat dilihat memberi kesan kepada ahli keluarga tersebut serta secara tidak langsung turut memberi impak kepada komuniti dan negara. Justeru, syabas diucapkan kerana penghasilan buku ini sedikit sebanyak dapat mendaya upayakan individu dan masyarakat melalui suri teladan daripada kisah orang lain yang dapat membantu mereka mengambil langkah proaktif jika berlaku peristiwa yang sama terhadap diri atau keluarga mereka.

Selamat membaca diucapkan kepada semua yang prihatin dengan kesejahteraan keluarga, masyarakat dan seterusnya negara tercinta ini.

**(YBHG. DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI)**

# SEKAPUR SIRIH PENGARAH INSTITUT SOSIAL MALAYSIA

Bismillahirrahmannirrahim



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, saya panjatkan rasa setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT. kerana buku **Titik Bantu: Himpunan Kisah Klien dan Intervensi Pekerja Kes** yang merupakan manifestasi kerjasama antara pensyarah Program Kerja Sosial Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan peserta Program Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial (DPSKS) yang terdiri daripada kakitangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) ini. Saya merasa bangga kerana peserta Program DPSKS dapat menterjemahkan ilmu Kerja Sosial kepada suatu bentuk penulisan ringan dan santai yang tentu sekali mempunyai impak positif kepada bidang Kerja Sosial dan masyarakat amnya.



Selain mampu menarik minat membaca dalam kalangan masyarakat melalui cerpen pendek, buku ini turut dilihat mampu memberi banyak panduan kepada pembaca terutama tindakan yang perlu diambil apabila berlaku sesuatu masalah berbentuk sosial dalam kehidupan. Justeru, saya melihat kekuatan buku ini terletak kepada pemilihan kisah benar yang berlaku dalam masyarakat serta intervensi dalam ruang lingkup Kerja Sosial yang dicadangkan. Ini menjadi nilai tambah kepada peranan Institut Sosial Malaysia yang sentiasa proaktif dalam menyebar luaskan ilmu dan latihan dalam bidang sosial dan turut bersama KPWKM serta pihak-pihak lain dalam membantu menangani masalah sosial melalui platform latihan, penyelidikan dan penerbitan. Adalah diharapkan dengan penghasilan buku seperti ini akan dapat dimanfaatkan oleh pembaca terutama kepada penuntut dan penggiat dalam bidang Kerja Sosial seterusnya masyarakat dan negara.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan syabas kepada pensyarah dan peserta Program DPSKS atas penghasilan buku ringkas namun sarat dengan informasi dan panduan ini. Semoga Program DPSKS dapat meneruskan kecemerlangan dalam meningkatkan profesionalisme Pekerja Sosial dan melahirkan Pekerja Sosial yang kompeten di negara ini.

Sekian, terima kasih. Wassalamu'alaikum wbth.

(DR. AL-AZMI BIN BAKAR)

## **SEULAS PINANG PENYELARAS PROGRAM DIPLOMA PASCA SISWAZAH KERJA SOSIAL UKM-ISM**

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, tahniah saya ucapkan kepada Dr. Norulhuda Sarnon@Kusenin, Dr Nor Jana Saim dan para pelajar Diploma Pascasiswa Kerja Sosial yang telah bersama-sama menjayakan penghasilan buku ini.

Buku ini adalah kompilasi kes-kes sebenar yang dihadapi oleh pekerja-Pekerja Sosial apabila menjalankan perkhidmatan kerja kes. Kes-kes ini telah dikumpul dan diterjemah dalam bentuk yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat.



Saya yakin buku ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada Pekerja Sosial dalam menjalankan intervensi kes bersama klien. Penghasilan buku ini juga secara tidak langsung melambangkan kerjasama baik antara Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institut Sosial Malaysia bagi meningkatkan martabat bidang kerja sosial.

Syabas dan tahniah atas usaha murni ini.

Sekian.

**(DR. NUR SAADAH BINTI MOHAMAD AUN)**

## PRAKATA



Kelahiran buku ini adalah ilham daripada pengalaman sebenar klien, pernah dikendalikan oleh Pekerja Sosial yang juga merupakan penuntut Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial UKM-ISM. Sebanyak 16 kisah benar telah diolah dalam medium penulisan kreatif agar lebih mampu menarik minat membaca di samping menyalurkan maklumat bermanfaat kepada masyarakat. Kandungan dalam buku ini juga merupakan satu inisiatif yang diambil untuk membuka mata para pembaca tentang realiti pelbagai kisah hidup yang berlaku pada masa kini seperti keganasan rumah tangga, penderaan fizikal dan seksual, sumbang mahram, konflik dalaman diri serta tingkah laku luar kawal.

Selain itu juga, buku ini turut memberi pengetahuan kepada pembaca tentang bantuan profesional yang diberikan oleh Pekerja Sosial dalam pelbagai isu untuk membantu kesejahteraan masyarakat. Ia turut memuatkan cadangan intervensi pekerja sosial dan ia telah diolah dengan cukup ringkas, sesuai dengan bacaan umum yang agak santai dan tidak berat. Melalui perkongsian cadangan intervensi yang dikemukakan dalam buku ini, pembaca dapat menghayati secara tidak langsung peranan yang dimainkan oleh Pekerja Sosial dan memahami perkhidmatan yang umumnya ditawarkan oleh perkhidmatan kerja sosial di Malaysia.

Sebagai hadiah istimewa untuk pembaca, buku ini turut dilengkapkan dengan tips ringkas yang berguna dalam memberi bimbingan dan pendidikan pencegahan kepada masyarakat dalam pelbagai aspek sesuai dengan isu yang diketengahkan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada panel penilai yang sentiasa memberi bimbingan ke arah menambahbaik buku ini. Terima kasih juga kepada semua yang membantu dalam penerbitan buku ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kepada semua, selamat membaca!

Ketua Editor

## SENARAI PENULIS

- 1 **Norsyahida Abd Ghani**/KASIH YANG TERLERAI/Berkelulusan Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan Antropologi & Sosiologi Universiti Sains Malaysia. Berpengalaman selama lebih 10 tahun dalam mengendalikan kes-kes penguatkuasaan termasuklah keganasan rumah tangga.
- 2 **Azlinda Aziz**/BUKANINI YANG KU PINTA/ Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia (UPM). Berpengalaman sebagai Pekerja Sosial selama 15 tahun dan kini bertugas di Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat. Terlibat secara langsung dengan intervensi bagi Kanak-Kanak & Remaja serta pernah bertugas di Sekolah Pemulihan Akhlak selama tiga tahun.
- 3 **Azizah Ahmad**/GORESAN DUKA SEMALAM/Pemegang Ijazah Sarjana Muda TESL Universiti Teknologi MARA. Penulis berpengalaman dalam bidang kerja sosial selama tujuh tahun dan pernah terlibat dalam pelbagai jenis pengurusan bantuan kewangan, pengurusan kes Orang Kurang Upaya dan pengendalian kes Perintah Khidmat Masyarakat.
- 4 **Nooratika Zainal**/AKU DAN HARAPAN HIDUPKU/ Penulis memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Malaya. Berpengalaman dalam bidang kerja sosial selama 11 tahun dan pernah bertugas sebagai pengetua di institusi kanak-kanak, pegawai kebajikan masyarakat dan terlibat dalam menyelaras program dan aktiviti untuk kanak-kanak dan warga emas. Pernah mengendalikan kes kanak-kanak terlibat dengan jenayah, kes kanak-kanak mengandung di luar nikah, kes kanak-kanak mangsa penderaan dan kes-kes melibatkan pengabaian kepada warga emas dan orang kurang upaya serta mangsa keganasan rumah tangga juga kes bantuan kewangan di daerah.
- 5 **Sharull Khamis**/ SIAPA AKU/ Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (USM). Penulis berpengalaman selama sembilan tahun dalam bidang kerja sosial. Banyak mengendalikan kes kanak-kanak, remaja, keluarga, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan gelandangan yang melibatkan pengurusan kes bantuan kewangan, pemulihian, sokongan dan pemerkasaan ke arah kesejahteraan sosial.
- 6 **Mohd Amry Minggo**/ TERPASUNG DERITA/ Berkelulusan Ijazah sarjana Muda Sains Kemasyarakatan Antropologi & Sosiologi Universiti Sains Malaysia. Penulis berpengalaman 10 tahun dalam bidang kerja sosial terutamanya yang melibatkan Perundangan. Penulis juga terlibat dalam mengendalikan kes yang melibatkan kanak-kanak, Penguatkuasaan TASKA dan Pusat Jagaan. Pekerja Sosial juga pernah bertugas di Institusi Orang Kurang Upaya.
- 7 **Nasir Othman**/SEREDUP MATA BALQIS/ Pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan perniagaan Universiti Utara Malaysia. Penulis berpengalaman

- dalam bidang kerja sosial selama lima tahun dalam mengendalikan pengurusan kes bantuan kewangan, menjalankan program kebajikan dan berpengalaman selama 2 tahun mengendalikan tugas seliaan dan pemulihan pesalah juvana yang terlibat dengan jenayah
- 8 **Shahrol Rozaat**/MASIH ADA SINAR DI HUJUNG GELAP/ Penulis adalah seorang Pekerja Sosial yang berpengalaman 16 tahun dalam lapangan Kerja Sosial. Pernah bertugas dengan komuniti masyarakat Orang Asli. Pernah bertugas di Jabatan Kerja Sosial Hospital Psikiatrik dan banyak mengendalikan kes kanak-kanak luar kawalan, skizofrenia, bipolar mood disorder, dementia, psikosis dan forensik. Kini penulis mengendalikan mangsa-mangsa permedangan manusia lelaki seluruh Malaysia yang melibatkan warga luar dan tempatan dari aspek pemulihan.
  - 9 **Sallehuddin A. Kadir Wahab**/TABAHKANLAH HATIKU/Lulusan Ijazah Sarjana Muda Psikologi daripada Universiti Terbuka Malaysia. Berpengalaman Berkhidmat di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka selama 15 tahun. Berpengalaman dalam mengendalikan kes di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga dan Akta Pusat Jagaan/Taska.
  - 10 **Hasmida Shariff**/ KURINDU DAKAPAN ABAH & MAMA/ Lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Berkhidmat dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor selama 8 tahun. Berpengalaman membantu pegawai pelindung mengendalikan kes penderaan dan perlindungan kanak-kanak.
  - 11 **Amirul Fariz Mohd Mahmud**/SUNYI...AYAH, AKU SENTIASA BERHARAP/ Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Berpengalaman di dalam bidang kerja sosial selama 10 tahun dalam menyelesaikan kes melibatkan masalah sosial remaja, keganasan rumah tangga, konflik kekeluargaan dan giat menjalankan aktiviti kemasyarakatan di Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
  - 12 **Nor Afiza Mohd Fuzi**/DIALAH SYAITAN ITU/ Berkelulusan Diploma Undang-Undang, Universiti Darul Iman dan Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia (UPM). Penulis berpengalaman dalam kerja sosial selama 14 tahun. Banyak terlibat dalam pengurusan kes kanak-kanak. Pernah menjadi Pelindung Kanak-Kanak, Pegawai Akhlak dan sekarang merupakan Timbalan Pengetua Rumah Kanak-Kanak. Terlibat dalam kerja penulisan secara tidak formal dan masih di peringkat latihan dalam penulisan cerpen dan sajak.
  - 13 **Nor Afzan Abd Hamid**/AQIEF/ Kelulusan dalam Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (USM). Pekerja Sosial yang berpengalaman 13 tahun dalam lapangan Kerja Sosial. Pernah mengendalikan kes pelindungan kanak-kanak, kes akhlak dan kes keganasan rumah tangga.
  - 14 **Mohd Syauqee Mohd Fawzi**/APA SALAHKU?/ Penulis adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dengan kepujian di Universiti Teknologi Mara dan berpengalaman selama enam tahun dalam bidang pembangunan keluarga serta bidang kesihatan reproduktif dan sosial remaja.

- 15 **Pravin a/l Manogran @ Manoharan**/INSAF/ Kelulusan tertinggi adalah Ijazah dalam Perakaunan dan Kewangan dari University of Greenwich, London. Penulis adalah seorang Pekerja Sosial yang mempunyai pengalaman selama 12 tahun. Penulis pernah mengendalikan warga emas, pelatih perintah khidmat masyarakat, orang kurang upaya dan bantuan kewangan. Penulis pernah menyelia sebanyak 20 kes Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat selama enam tahun mengendalikan bahagian Perintah Khidmat Masyarakat.
- 16 **Nurul Ayesha Ahmad Annuar**/AWAN HITAM TIDAK BERHUJAN/ Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya. Penulis adalah Pegawai Pembangunan Masyarakat di Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mempunyai pengalaman kerja hampir 10 tahun dalam bidang kerja sosial.



## Kisah 1. KASIH YANG TERLERAII

Oleh: Norsyahida Abd Ghani



“Kau tak faham bahasa ke?!!”

“Kan dah banyak kali aku cakap...kau tak payah beranganlah nak pergi kursus sana sini. Aku tahu kau sebenarnya bukan nak berkursus tapi nak menggatal dengan jantan lain kan” tengking Azman.

Surat panggilan kursus yang aku terima petang tadi daripada pengetua sekolah dikoyak-koyak dan dilempar ke mukaku. Tubuhku juga ditolak kasar ke lantai. Aku tidak sempat mengelak. Aku terjatuh dan kepalaku terhantuk ke bucu meja kopi di ruang tamu. Tidak cukup dengan itu, Azman terus menendang perutku tanpa belas seperti orang hilang akal.

Inilah bahana yang terpaksa diterima olehku apabila aku cuba meminta izin Azman, suamiku untuk menghadiri kursus anjuran jabatan. Telah saban kali aku terpaksa memberi pelbagai alasan kepada ketuaku kerana tidak hadir.

Aku terpaksa menolak banyak arahan rasmi yang melibatkan keluar daerah disebabkan Azman enggan membenarkan aku keluar bekerja di luar kawasan. Azman seringkali tidak mengizinkan walaupun sudah aku jelas dan yakinkan bahawa ia adalah urusan rasmi.

Aku hanya mampu menangis dan menahan sakit yang amat sangat. Suara kedua-dua anakku, Ameer dan Ameera yang menjerit dan menangis ketakutan amat meruntun jiwaku. Mereka masih kecil untuk mengerti apa yang berlaku. Mahu sahaja aku memeluk dan menenangkan mereka saat itu, namun aku tidak berdaya.

“Hah..itu la akibatnya kalau kau cuba-cuba cari alasan nak keluar jumpa jantan lain. Kau ingat kau cantik, cikgu, gaji kau besar kau boleh buat apa yang kau suka ya. Mentang-mentanglah aku ni kerja

kerani cabuk kau boleh perlekehkan ya?”. Azman keluar dan terus menghempas pintu rumah. Tidak lama kedengaran enjin kereta berlalu dengan laju meninggalkan aku teresak-esak menahan kesakitan.

Mengimbau perkenalan empat tahun yang lalu, aku dan Azman berkenalan semasa menghadiri perkahwinan rakan. Perkenalan yang singkat melahirkan bibit-bibit cinta sehingga kami mengambil keputusan untuk mendirikan rumah tangga. Percintaan kami mendapat halangan keluarga terutamanya keluargaku kerana latar belakang pendidikan dan pekerjaan Azman yang dianggap tidak setaraf dengan diriku yang merupakan graduan universiti serta kerjayaku sebagai guru. Namun aku sanggup mengetepikan keluarga kerana yakin Azmanlah cinta sejatiku.

Peristiwa malam itu bukanlah insiden kekasaran pertama yang dilakukan oleh Azman terhadap diriku. Sejak setahun lalu, sikap suami ku berubah sama sekali. Aku semakin tidak mengenali suami yang ku kahwini tiga tahun dahulu. Azman yang ku kenali sebagai seorang yang penyayang dan romantik kini berubah menjadi seorang yang panas baran dan kuat cemburu. Azman sering menuduh diriku berlaku curang terhadapnya walaupun telah berkali-kali aku cuba meyakinkan Azman bahawa aku tidak pernah menduakan dirinya. Memang tidak dinafikan perwatakanku yang ramah menyebabkan aku mempunyai ramai kenalan tidak mengira lelaki atau wanita. Namun aku akan sentiasa menjaga batas-batas pergaulanku sebagai seorang isteri. Sikap cemburunya terhadap pergaulan dan kerjayaku menjadikan Azman semakin mengongkong. Pelbagai tohmahan dilemparkan kepadaku tanpa alasan yang kukuh semata-mata ingin memuaskan hatinya. Aku tetap bersabar dan masih cuba berbincang dan mencari jalan untuk memulihkan hubungan kami, namun Azman tetap bersikap dingin terhadap diriku. Ini menyebabkan aku berasa amat tertekan. Ku cuba pejamkan mata, namun semua

kepedihan bagai menjadi selimutku malam itu. “Oh Tuhan, besar sungguh ujian Mu..” rintih hati kecilku. Berkumandang suara Siti Nurhaliza menyanyikan lagu seolah-olah memahami kepedihan yang melanda jiwaku;

Bulan madu yang indah,  
Sudah sampai ke hujungnya,  
Engkau pun mula berubah,  
Dan beralih arah,  
Kata-kata manis,  
Tiada lagi ku dengar,  
Hidupku pula makin tawar.

Kini aku telah bertekad. Hatiku ini amat terluka atas penderitaan yang terpaksa aku lalui. Aku sedar bahawa aku perlu berbuat sesuatu demi kebahagiaan diriku dan anak-anakku. Aku perlu berani berdepan dengan tanggapan masyarakat walaupun terpaksa menerima gelaran ‘janda’ yang amat kutakuti selama ini.

Pagi itu aku tidak mampu ke tempat kerja. Badanku masih terasa sakit akibat diterajang oleh Azman malam semalam. Dengan bantuan jiran, aku telah dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Di hospital aku telah menerima rawatan di Pusat Khidmat Krisis Sehenti dan berjumpa dengan Pegawai Kerja Sosial Perubatan. Pegawai tersebut tersebut pula telah membawaku ke Pejabat Kebajikan Masyarakat untuk membantuku dalam menangani masalah ini.



## CADANGAN INTERVENSI

Dalam mengendalikan kes-kes berkaitan mangsa keganasan rumah tangga, lazimnya, Pekerja Sosial akan menggunakan model intervensi krisis untuk membantu klien. Model ini sesuai digunakan untuk membantu klien yang mengalami kecemasan psikologi untuk kembali

ke tahap penyesuaian dan mencegah atau mengurangkan kesan negatif trauma psikologi. Pekerja Sosial akan berusaha untuk mengubah persepsi klien terhadap peristiwa dikanasi oleh pasangan dan membantu mangsa memperoleh kemahiran berdaya tindak terhadap peristiwa tersebut.

Selain itu, interaksi terapeutik adalah penting diaplikasikan untuk menenangkan dan meyakinkan mangsa bahawa mereka tidak berseorangan dalam menghadapi masalah tersebut. Pekerja Sosial akan memfokuskan kepada kekuatan klien untuk membantu klien membina daya tindak terhadap situasi yang dihadapinya. Ini akan meningkatkan keberanian moral mangsa untuk mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalahnya.

Pekerja Sosial juga bertindak memberikan pengetahuan kepada mangsa tentang prosedur mendapatkan pelindungan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Seksyen 12 dan 13). Pekerja Sosial akan memberikan penerangan kepada mangsa tentang Perintah Pelindungan Sementara (IPO) dan kesan-kesan yang bakal dihadapi apabila mangsa membuat permohonan tersebut agar mangsa benar-benar memahami dan bersedia. Hal ini penting supaya mangsa membuat keputusan yang tepat demi masa depannya.

Dalam usaha mengurangkan trauma dan meningkatkan keyakinan diri klien, Pekerja Sosial memainkan peranan dalam membantu mangsa untuk membuat laporan polis berkaitan kejadian keganasan rumah tangga tersebut. Pekerja Sosial juga bersedia membantu mangsa untuk memfailkan suatu permohonan bagi IPO di Mahkamah dan berhadapan dengan urusan perundangan. Sekiranya IPO telah diperoleh, Pekerja Sosial juga akan menyediakan pengangkutan bagi mangsa untuk ke kediaman alternatif atau tempat selamat atau tempat perlindungan jika diperlukan oleh mangsa. Pekerja Sosial berserta pihak polis juga akan menemani mangsa ke

kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya.

Dalam situasi ini, Pekerja Sosial perlu mengambil perhatian terhadap keadaan emosi mangsa dan anak-anak. Pekerja Sosial perlu meneroka sebarang kemungkinan klien tertekan dan cenderung untuk membunuh diri atau mencederakan diri atau orang lain. Sekiranya perlu, mangsa dan anak-anak akan dirujuk kepada kaunselor untuk sesi kaunseling bagi membantu meringankan beban emosi yang dihadapi mereka. Pekerja Sosial akan berbincang dengan kaunselor keperluan klien terutama bagi mengurangkan rasa trauma dan membantu klien berfikiran lebih rasional agar klien lebih berani dan bersedia untuk mengambil langkah yang lebih baik demi keselamatan diri dan anak-anak.

Selain itu, Pekerja Sosial turut bertindak dengan merujuk mangsa kepada agensi-agensi lain yang berkaitan seperti Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Pembangunan Wanita, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Pejabat Agama, NGO dan sebagainya. Agensi-agensi ini amat penting untuk memberikan perkhidmatan sokongan kepada mangsa dalam menghadapi perubahan besar dalam hidupnya. Sebagai contoh, mangsa dan pasangan akan dirujuk kepada pihak Pejabat Agama untuk sesi kaunseling perkahwinan untuk membantu mereka mencari jalan penyelesaian terbaik.

Sebagai pengukuhan intervensi, Pekerja Sosial juga akan menghubungkan klien dengan sistem sokongan alternatif seperti ahli-ahli keluarga, rakan-rakan rapat atau jiran-jiran yang dapat membantunya menghadapi saat-saat sukarnya.



## **TIPS MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA**

1. Berkongsi masalah dengan orang yang rapat.
2. Elakkan anak-anak daripada melihat episod penderaan berlangsung.
3. Berfikiran secara rasional, bukan hanya mengikut emosi cinta hingga merelakan diri didera.
4. Terus ke hospital untuk mendapatkan rawatan jika mengalami kecederaan.
5. Dapatkan khidmat nasihat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berdekatan.
6. Hubungi pihak polis berdekatan jika mempercayai diri dalam bahaya.
7. Menghubungi Talian Kasih 15999.



## Kisah 2: BUKANINI YANG KUPINTA

Oleh: Azlinda Aziz



Aku diberi nama Laila. Aku tinggal di sebuah rumah kecil di pedalaman kampung. Ibuku seorang pekerja pembersihan di sebuah syarikat di kota raya pada waktu malam. Kadang – kadang di waktu pagi juga, ibu menjual nasi lemak serta kuih muih di hadapan rumah. Hanya pada ibu sajalah, aku dan tiga adikku yang lain menumpang kasih.

Ayahku sekarang berada di dalam penjara dan sedang menunggu hukuman mati kerana kesalahan mengedar dadah. Kami sekeluarga sudah tidak tahu apa lagi yang hendak dilakukan. Disebabkan kekangan wang ayah sanggup terjebak mengedar dadah dengan harapan untuk mendapat wang melalui jalan yang singkat dan mudah.

Untuk mengurangkan perbelanjaan yang mendesak, ibu tidak menyekolahkan tiga adikku. Hanya aku seorang sahaja bersekolah. Namun begitu, kehadiran aku ke sekolah dapat dibilang dengan jari disebabkan aku harus menjaga adik-adikku di rumah. Memandangkan tahun ini aku akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), aku hanya mengulang kaji pelajaran di rumah. Itupun hanya menggunakan beberapa buah buku yang diberi oleh jiran tetangga.

Aku tidak mempunyai ramai kawan, hanya Osman sahaja yang rajin membantuku di dalam kelas. Osman adalah anak Pak Majid yang sudah lama menaruh minat kepadaku namun aku hanya biarkan sahaja. Kebaikan demi kebaikan yang Osman tunjukkan membuatkan aku mula menerima untuk menghuni hatiku. Suatu malam, sesudah menunaikan solat isyak, aku menuju ke tempat yang ditetapkan oleh Osman.

Pada awalnya, ibu seperti tidak mengizinkan pemergianku. Tetapi setelah dipujuk, ibu akhirnya membenarkan aku pergi berjumpa Osman. Setelah beberapa minit berjalan, akhirnya aku sampai di sebuah tempat yang dipenuhi ramai remaja seusia aku dan Osman. Aku seperti tidak percaya yang mereka akan pergi ke tempat sebegini pada waktu malam.

Mataku meliar mencari kelibat Osman dan mataku terus tertancap pada tubuh yang sedang melambai-lambai ke arahku iaitu Osman. Walaupun hatiku sedang bercelaru namun aku terus menapak ke arah lelaki itu dan beberapa lelaki dan perempuan yang berada berhampirannya. Pada awalnya, Osman memperkenalkan aku kepada kawan-kawannya.

Aku berasa hairan, apakah sebenarnya niat Osman memilih tempat sebegini hanya untuk memberikan kertas soalan contoh SPM pada lewat malam. Sejak tadi, aku hanya dibiarkan sepi berdiri bersama sekumpulan remaja ini. Tiba – tiba aku dihulurkan segelas cawan yang berisi air dari seorang perempuan yang bernama Anne. Dengan hati yang tidak mengesyaki sebarang niat jahat, aku menerima air tersebut. Namun, untuk seketika pandanganku semakin kabur dan aku terus dipapah Osman. Pada waktu itu, aku mulai sedar yang ini hanya permainan Osman semata-mata dan semuanya telah terlambat.

Aku mula tersedar dari lamunan apabila seorang pegawai perempuan memegang bahuku. Aku hanya tersenyum dan menganggukkan kepala. Dengan membawa sebuah nyawa di dalam rahimku yang sudah berusia tujuh bulan, aku berjalan menuju ke arah ibu dengan perlahan-lahan. Aku mengesat air mata yang turun tanpa dipaksa. Setiap minggu, ibu akan melawat aku yang ditempatkan di sebuah pusat pemulihan untuk gadis sepertiku. Namun apa yang sudah terjadi, aku

hanya berserah kepada Tuhan dan menganggap sebagai takdir yang sudah tertulis. Aku menambah berat beban yang telah pun dipikul oleh ibu. Maafkan aku ibu di atas segala kepayahan yang paksa kau lalui.



## CADANGAN INTERVENSI

Bantuan yang diberikan oleh Pekerja Sosial boleh memberikan impak yang besar dalam isu-isu kehamilan remaja dan ibu bapa. Pekerja Sosial boleh menilai masalah dan keperluan dari perspektif ekologi dengan mempertimbangkan faktor individu, keluarga, dan masyarakat, serta menggunakan pendekatan yang komprehensif untuk menyelesaikan masalah. Maka, adalah perlu sokongan diberikan kepada ibu bapa remaja terutama untuk mengatasi cabaran mereka dalam menghadapi situasi anak remaja mereka yang sedang hamil dan stigma yang bakal diterima daripada masyarakat sekelilingnya.

Setelah menjalankan penilaian situasi (assessment), persetujuan bersama antara Pekerja Sosial, klien dan keluarga adalah penting untuk merancang penempatan remaja bagi tujuan pemulihan dan perlindungan. Dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti masalah kesihatan, sosial, ekonomi, kefungsian keluarga, budaya dan lain-lain faktor ekologi yang memberi kesan ke atas remaja, maka kata sepakat telah diperoleh untuk meletakkan klien di suatu tempat perlindungan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Seksyen 40).

Memandangkan keluarga ini telah menjadi stigma oleh komuniti sekitarnya akibat ayah remaja seorang banduan, berpendapatan rendah hingga anaknya tidak bersekolah, dan remaja ini berisiko untuk dipengaruhi oleh rakan-rakan seusia dengannya, maka keluarga amat memerlukan rangkaian sokongan yang tinggi. Pekerja Sosial membantu klien mendapatkan perlindungan sementara di Pusat Perlindungan sehingga selamat melahirkan bayi iaitu setelah remaja

ini menjalankan sesi intervensi di institusi. Ini juga dapat membantu mengelakkan masalah pembuangan bayi dan menjaga emosi serta maruah keluarga.

Melalui pelbagai kaedah termasuk menggunakan analisis matrik Cowger, didapati kanak-kanak ini memerlukan peningkatan kemahiran resiliensi, tingkah laku asertif dan kemahiran berdaya tindak. Oleh yang demikian, kaedah kerja kumpulan dicadangkan untuk dilaksanakan di institusi dengan mengambil kira elemen-elemen tersebut untuk diperkasakan dalam diri klien. Selain itu, program psikopendidikan boleh diterapkan dengan menyalurkan maklumat berkaitan pranatal, keselamatan kehamilan serta perancangan penjagaan. Oleh itu, remaja ini akan bersama-sama rakannya mengikuti pelbagai intervensi dalam kumpulan yang akan dijalankan oleh kaunselor di rumah pelindungan.

Daripada segi pendidikan pula, segala hal ehwal persekolahan klien dan peperiksaan akan diuruskan oleh Pekerja Sosial sehingga menduduki peperiksaan SPM. Ini adalah penting agar pengajian klien tidak terjejas oleh masalah peribadi dan klien akan terus bersemangat demi menimba ilmu dan meningkatkan taraf hidup keluarganya.

Di samping itu juga, klien akan dilibatkan dalam sesi kaunseling individu oleh kaunselor bagi menangani trauma serta mengembalikan kefungsiaan klien sebagai seorang remaja yang berjaya. Pihak Pekerja Sosial berbincang dengan kaunselor tentang keperluan klien terutama dalam membantu klien berhadapan dengan tekanan, rasa putus asa, rendah penghargaan diri dan rasa kegagalan dalam hidup.

Selain itu, Pekerja Sosial juga turut membantu ibu dan adik-klien klien dari segi bantuan kewangan dan pendaftaran persekolahan. Pekerja Sosial berbincang dengan pihak jabatan pendidikan berkenaan pendaftaran kanak-kanak yang telah keciciran sekolah. Pekerja Sosial turut membantu ibu dengan memohon geran pelancaran Jabatan

Kebajikan Masyarakat untuk membesarkan perniagaan masakannya. Ibu klien juga digalakkan untuk melibatkan diri di dalam pelbagai aktiviti komuniti di kampungnya agar tidak merasa terpinggir dan mengurangkan stigma.



### TIPS IBU BAPA ANAK HAMIL TANPA NIKAH

1. Ibu bapa tidak perlu terlalu menghukum anak yang telah hamil tanpa nikah. Ibubapa boleh melahirkan rasa kecwa atas apa yang terjadi agar menjadi pengajaran, namun tidak boleh terlalu berlebih-lebihan hingga membuatkan anak mengalami trauma berganda.
2. Beri sokongan kepada remaja bagi menggalakkan mereka berdaya tindak dengan positif agar tidak mengambil keputusan negatif seperti membuang bayi atau membunuh diri.
3. Masyarakat perlu memberi sokongan dari segi moral untuk membantu kepulihan kepada remaja perempuan dan keluarga terbabit dengan tidak meletakkan stigma ke atas mereka.
4. Tidak memberikan tekanan kepada remaja dan keluarga untuk menyerahkan bayi kepada keluarga angkat.
5. Hidup perlu diteruskan, setiap masalah pasti ada jalan penyelesaian, jika mempunyai sebarang masalah dan kemasukan boleh menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran atau talian Kasih 15999.
6. Laporan polis terhadap perogol juga perlu dilakukan oleh remaja dan ibu bapa.



### *Kisah 3: GORESAN DUKA SEMALAM*

**Oleh: Azizah Ahmad**



HUJAN renyai-renyai sejak semalam lagi. Aku lena dibuai mimpi dek kerana hujan yang membasahi bumi. Deruman hujan menimpa bumbung rumah menyebabkan aku memasang hajat untuk meneruskan lena.

“Bangun Mira, sekolah ke tidak hari ni?” tanya mak.

“Sekejap lagi mak, nanti Mira bangunlah,” jawabku masih mamai.

Aku bingkas bangun setelah melihat jam di dinding menunjukkan pukul 6.50 pagi. Awal pagi lagi mak dan abah sudah bersiap untuk pergi bekerja. Rutinnya, mak dan abah akan terus ke tempat kerja setelah menghantar adik-adik ke sekolah.

“Mira, cepat sikit bersiap, kita dah lewat ni nak ke sekolah,” tegas Along.

Along akan menduduki peperiksaan SPM pada tahun ini, manakala aku pula PT3. Mak dan abah menganggap kami sudah boleh berdikari. Semua permasalahan yang berlaku di sekolah, aku berkongsi dengan Along. Ini, membuatkan kami rapat.

Seperti biasa aku dan Along pergi ke sekolah dengan menaiki motosikal buruk yang dibeli oleh abah bagi kemudahan kami berdua. Setiap hari Along akan membonceng aku ke sekolah. Hingga kawan-rakan menyatakan kami seperti pasangan kekasih. Aku tersenyum, tidak tahu mengapa, tetapi itulah hakikatnya. Bagi aku, Along bagaikan pelindung”. Aku sudah terbiasa di bawah lindungannya.

Hari berlalu, dalam tidak sedar sayang aku terhadap Along membuka-buka. Perasaan berputik bukan sebagai abang-adik, malah lebih daripada itu. Rupanya aku tidak bertepuk sebelah tangan. Tanpa disedari, hubungan kami jauh terpesong. Semakin hari, kami semakin mesra. Dari sayang dan kasih, timbul rasa cinta. Aku seakan merelakannya. Tanpa memikirkan tentang dosa, akhirnya kami terlanjur. Bukan sekali dua, tetapi berulang kali kami melakukan perbuatan keji.

Semasa perhimpunan pagi, aku jatuh pengsan. Setahu aku, aku tidak pernah mempunyai masalah kesihatan sebelum ini. Aku dibawa mendapatkan rawatan. "Awak tak makan pagi ke Mira?" Tanya cikgu Salma. "Tak sempat cikgu, tadi saya bangun lambat." balas Mira. Cikgu Salma berkata lagi, "mungkin perut awak masuk angin agaknya". Kejadian pengsan di sekolah hanya Along sahaja yang tahu kerana tidak mahu mak dan abah bimbang, lagipun fikirku mungkin kerana aku terlalu penat.

Empat bulan berlalu selepas kejadian pengsan di sekolah. Aku rasa gelisah dan runsing. Aku menjadi pendiam, tidak tahu kenapa perubahan ini berlaku. Along, menyedari perubahan diriku. Aku risau kerana sudah tiga bulan tidak datang haid. Aku bimbang dan takut. Dengan umur remajaku, aku tahu akan sebab musabab jika perkara ini berlaku. Aku bimbang jika tekaanku betul bahawa aku telah mengandung. Mengandung anak Along. Ya Allah...Hati aku benar-benar tidak tenteram. Hari berganti hari, bulan bertukar bulan. Kini benarlah tekaan bahawa aku telah mengandung anak abangku sendiri. Darah dagingku sendiri!

Di sekolah, Cikgu Zaliha telah lama perhatikan gerak geri. Beliau merupakan guru kelas aku. Di rumah, mak juga ada menegur aku menyatakan aku kini sedikit gemuk. Dek kerana rasa takut, aku mengambil keputusan untuk beritahu kepada Along. Along terkejut.

Semakin hari, perut ku semakin kelihatan. Aku mula memakai baju yang agak besar bagi menutup fizikal perut ku itu. Di rumah pula, aku menghabiskan masa berada di dalam bilik sahaja. Hubungan aku dengan Along menjadi sedikit renggang. Mungkin kerana masing-masing merasa takut akan perkara ini.

Satu hari, cikgu Zaliha mendekati aku yang kelihatan semakin pucat tidak bermaya. Setelah disoal, maka terbongkarlah rahsiaku. Cikgu Zaliha terkejut bila mengetahui aku kini mengandung. Memandangkan aku di bawah umur, kes ini di laporkan kepada pihak berkuasa. Mak dan abah juga turut dimaklumkan. Alangkah terkejutnya mereka bila mengetahui perkara ini. Aku dapat melihat betapa mereka sangat kecewa dengan Along dan aku. Ketika itu, langit bagaikan menimpa mereka. Hati mana tidak tersentuh dengan perbuatan anak mereka. Bukan seorang, tetapi dua. Allahuakbar, sedih dan remuknya hati mereka, bagaimana hendak berdepan dengan semua ini. Malunya tidak tertanggung. Apakan daya nasi telah menjadi bubur, terpaksalah mereka menelan walau sepathit mana pun.

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil tindakan lanjut. Along ditempatkan di sebuah Sekolah Pemulihan di Kuala Lumpur. Manakala aku pula ditempatkan sementara di pusat bersalin yang disediakan oleh kerajaan.

Aku selamat melahirkan bayi perempuan dan dijaga oleh mak. Mak dan abah sentiasa mendoakan kami menemui jalan yang Allah redhai. Mereka tidak salahkan kami sepenuhnya. Mereka telah mengabaikan tanggungjawab mereka yang sebenar mengikut syariat Islam. Walaupun kini mereka sudah dapat menerima kenyataan yang sebenar, namun jauh di sudut hatiku masih tercalit perasaan penuh penyesalan. Aku bodoh kerana terlalu mengikut perasaan. Jika diikutkan hati, ingin sahaja aku pergi meninggalkan dunia ini selamanya agar mak dan abah tidak lagi malu. Walau bagaimana pun,



aku tidak tergamak melukakan lagi hati mereka. Aku terima semua ini sebagai satu pengajaran dalam hidupku, menjadi goresan dosa semalam yang akan tetap kukenang sepanjang hidupku.

## CADANGAN INTERVENSI

Pada peringkat awal, intervensi krisis perlu dilakukan ke atas Mira memandangkan Mira adalah individu yang cukup terkesan dalam situasi ini. Sumbang mahram yang berlaku dalam keluarga dan dilakukan bersama abangnya telah memberi tekanan yang sangat hebat setelah disedari. Mira keliru antara kasih sayang seorang abang, juga kebangkitan seksual semasa usianya menginjak remaja. Kekeliruan ini hanya disedari selepas berlakunya peristiwa Mira mengandung. Pekerja Sosial menggunakan interaksi terapeutik dan meneroka tahap kefungsian kognitif, emosi dan tingkah laku Mira. Mira tidak selera makan, tidak lena tidur dan banyak menangis. Ini merupakan indikator bahawa Mira sedang dalam krisis dan mengalami kemurungan. Potensi bunuh diri juga diakses dan Mira didapati mempunyai idea untuk membunuh diri. Dalam situasi yang sangat kritikal ini, Pekerja Sosial perlu memaklumkan dan membimbang ibu bapa agar idea membunuh diri tidak sampai ke tahap makna dan rancangan. Ibu bapa sangat perlu memberi sokongan kepada Mira, memerhatikan tingkah lakunya dan berhati-hati dengan setiap tutur kata yang dilontarkan kepada Mira. Setelah keadaan dilihat sedikit stabil, Pekerja Sosial mula meneroka rancangan Mira terhadap masa depannya.

Dalam memastikan keselamatan klien, dan setelah melalui perbincangan serta persetujuan klien serta ibu bapa, Pekerja Sosial membantu klien dan keluarga menyelesaikan masalah penempatan secara sukarela. Ini kerana keluarga tidak mampu untuk memberi penjagaan yang sewajarnya dan ingin Mira diberikan pemulihan. Ibu bapa juga merasa sangat sukar untuk berhadapan dengan kedua

anaknya, dengan keadaan diri ibu bapa sendiri yang sedang terkesan dan dalam trauma serta perlu menumpukan terhadap anak-anak yang lain. Oleh yang demikian, klien telah diperintahkan ke Taman Seri Putri di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Seksyen 40). Manakala, bagi abang klien telah dijatuhkan hukuman di bawah seksyen 91, Akta Kanak-Kanak 2001 kerana melakukan kesalahan merogol.

Selain daripada itu, melalui perbincangan bersama kaunselor, penstruktur semula kognitif dicadangkan dijalankan di institusi bagi membantu abang Mira agar emosi, fikiran dan perasaannya membentuk ke arah tingkahlaku yang lebih positif dan menerima hakikat tidak boleh menjalinkan hubungan cinta adik-beradik. Mira juga dicadangkan untuk terlibat dengan sesi kaunseling kelompok agar dapat membantu mengurangkan trauma yang dihadapi. Psiko-pendidikan terutama cara penjagaan kehamilan dan pemeriksaan berkala turut dijalankan di institusi.

Bagi keluarga ini pula, Pekerja Sosial bertindak dengan mengenal pasti dan meneroka punca berlakunya sumbang mahram. Melalui penerokaan terhadap keluarga yang dilakukan seperti analisis menggunakan Model *Circumplex* didapati bahawa keluarga ini bersifat *chaotically enmeshed*. Walaupun mereka sangat rapat dan sangat bergantung antara satu sama lain, namun sangat kurang kepimpinan dan perubahan peranan banyak berlaku. Gaya keibubapaan pula adalah *permisive indulgent* di mana tidak ada bimbingan dan terlalu banyak kepercayaan diberikan ke atas anak. Oleh yang demikian, intervensi telah dilakukan terhadap kedua ibu bapa dengan menggunakan Model Sistem Berpandukan Tugasan. Melalui teknik ini, Pekerja Sosial memberi penekanan kepada tanggungjawab dan tugas sebenar ibu bapa, iaitu dengan menjaga dan melindungi anak-anak. Selain daripada itu, Pekerja Sosial juga turut menekankan kepada ibu bapa supaya mereka harus mempunyai pengetahuan tentang asas pendidikan agama untuk dijadikan panduan dalam membimbing

anak-anak di rumah seterusnya anak akan lebih resilien terhadap apa sahaja bentuk ancaman seksual.



### **TIPS MENGATASI SUMBANG MAHRAM ADIK BERADIK**

1. Ibu bapa perlu meluangkan masa bersama-sama dengan anak-anak, menjadi rakan baik serta mengawasi segala aktiviti mereka.
2. Ibu bapa perlu peka terhadap faktor risiko berlakunya sumbang mahram seperti mengasingkan tempat tidur anak-anak lelaki dengan perempuan dan batasan aurat di rumah.
3. Ibu bapa sebagai model kepada anak perlu menitik beratkan pendidikan agama dan mempraktikkan ajaran agama yang kukuh di dalam institusi keluarga.
4. Ibu bapa tidak boleh memberikan sepenuh kepercayaan kepada anak remaja untuk tinggal bersendirian di rumah tanpa pengawasan orang dewasa
5. Peranan sebagai abang atau kakak perlu dijelaskan kepada kanak-kanak sebagai satu tanggungjawab, bukan percubaan hawa nafsu
6. Memberikan pendidikan reproduktif dan seksualiti yang sewajarnya kepada anak-anak dengan memberi penekanan kepada pengenalan bahagian badan, penjagaannya, pengawalan dan mengenali batas pergaulan antara adik-beradik lelaki dengan perempuan.



## Kisah 4: AKU DAN HARAPAN HIDUPKU

Oleh: Nooratika Zainal

“Bangun! Bangun!!” jeritan Ibu Maria mengejutkan aku daripada tidur yang lena. Secepat kilat aku bangun mencapai tuala yang terletak di bucu katil, menuju ke bilik air. Inilah rutin pagiku semenjak enam bulan tinggal di sini. Pada permulaannya amat sukar untuk aku membiasakan diri dengan tempat ini yang sangat ramai orang dan setiap hari bergaduh dan bising. Aku sangat rindu dengan ayah, ibu dan adik-adikku di kampung. Terbayang-bayang wajah mereka yang sangat aku sayangi. Tapi aku telah mula biasa dengan hidup baharuku ini. Lepas sarapan pagi ini aku akan mengemas asrama dan pada pukul 10 nanti boleh aku melawat anakku di bilik bayi. Tidak sabar rasanya mahu mendukung dan mencium pipinya yang gebu.

“Shanty, jom pi makan,” sapa si Aini, kawan baikku di sini. Pada Aini lah tempat aku mencurahkan masalah dan berkongsi kegembiraan. “Lepas makan boleh kita terus kemas asrama dan engkau pun bolehlah terus jumpa Siva, nanti kalau lambat ibu bising pulak,” tambah Aini lagi. Aku akur dan mengikut Aini menuju ke dewan makan.

Keadaan dewan makan penuh dengan penghuni lain yang semuanya lapar dan mahu cepat-cepat ke sekolah. Menu pagi ini Nasi Goreng Cina dan air Milo. Setelah selesai makan, aku dan Aini terus balik ke asrama dan mengemas.

“Shanty, Aini tolong sapu lantai dan mop. Hamidah dan Aireen pulak tolong lap tingkap depan tu ya” terdengar suara Ibu Zati memberi arahan pada kami. Aku akur dan memulakan kerja.

Tepat pukul 10 pagi, seperti hari-hari yang lain, aku menuju ke bilik bayi untuk bertemu anak kesayanganku, nyawaku. Segala kesedihan, kerinduan dan masalahku seolah-olah hilang seketika tatkala melihat

wajah Siva yang comel dan tersenyum. “Dia baru lepas menyusu, engkau sendawakan dia ya Shanty,” kata Ibu Marliana yang bertugas di bilik bayi waktu itu. “Ok ibu,” jawabku ringkas.

Anak ini anak aku dan dia. Aku gembira mendapat anak secomel ini yang aku tahu akan menemani aku sehingga tua. Walaupun aku baru berusia 13 tahun tetapi naluri keibuanku sama seperti ibu lain. Anak ini adalah kegembiraanku dan nyawaku. Walaupun aku tidak tahu apa nasib kami selepas ini tapi aku tetap bersyukur kepada tuhan, kerana anak ini ada. Dia kekuatanku, dia kegembiraanku.

Selepas berjumpa Siva, aku melangkah ke kelas. Minggu ini minggu terakhir aku menghadiri kelas asas bacaan kerana minggu hadapan aku akan mula bersekolah. Tidak sabar rasanya aku untuk bersekolah, tapi jauh di sudut hati, aku risau, bimbang dan takut dengan episod baharu dalam hidupku ini. Sekolah... selama ini aku hanya mendengar tentang sekolah tetapi tidak pernah berpeluang langsung untuk bersekolah. Macam mana agaknya suasana di sekolah? Adakah aku dapat belajar dengan baik? Macam mana kawan-kawanku nanti? Macam mana pula guru-guruku nanti? Pelbagai persoalan bermain di benak fikiranku. Aku hanya mampu berdoa agar segalanya berjalan lancar dan baik.

Selesai kelas, aku berjumpa dengan Ibu Nor, Kaunselor di rumah kanak-kanak ini. Ibu Nor meminta aku pergi berjumpanya sebelum aku bersekolah. Kata ibu Nor, banyak perkara yang mahu dikongsikan dengan aku tentang sekolah. “Selamat pagi ibu,” sapaku kepada ibu Nor. “Selamat pagi Shanty, masuklah. Apa khabar hari ni?” tanya ibu Nor sambil tersenyum mesra kepadaku. “Macam biasa saja ibu, cuma saya rasa gementar sikit sebab esok sudah mula sekolah,” jawabku ringkas. “Tak apa Shanty, jangan bimbang, ibu pasti Shanty mesti boleh,” katanya memberi semangat.

Selama hampir satu jam aku berjumpa Ibu Nor, aku kembali ke asrama. Hatiku menjadi sedikit tenang setelah berjumpa Ibu Nor. Ibu Nor memberikan aku kata-kata semangat dan percaya bahawa aku boleh berjaya seperti orang lain. Jadi, kata ibu aku juga boleh belajar dan menimba ilmu serta mencapai cita-citaku seperti kawan lain.

Aku masih teringat saat aku diambil oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dari rumah dulu. Aku dibawa terus ke hospital. Ibu dan ayahku terpaksa akur dengan arahan pegawai yang menyatakan bahawa mereka perlu mengambilku kerana aku mengandung dan tidak bersekolah. Mereka kata lagi ini satu kesalahan, ibu dan ayah hanya mengangguk dan sesekali mencelah bahawa mereka takut untuk melaporkan tentang aku, mereka takut dapat malu dan dikeji orang. Tiba-tiba aku merasakan pipiku basah dengan titisan air mata yang tumpah laju. Inilah nasibku, di usia yang sangat muda aku telah bergelar ibu, aku tidak pernah bersekolah macam kawan-kawan lain dan aku jauh daripada ibu, ayah dan adik-beradikku. Tapi aku tahu aku harus kuat dan tabah. Aku mesti mengubah nasibku dan anakku. Aku sangat berharap dan berdoa agar nasibku akan berubah. Aku mesti belajar bersungguh-sungguh dan memastikan aku berjaya... ya, aku pasti akan berjaya. Inilah aku dan harapan hidupku.



## CADANGAN INTERVENSI

Intervensi krisis sesuai dilaksanakan di peringkat awal semasa klien masih dibelenggu tekanan dan kesedihan atas apa yang berlaku kepada dirinya iaitu hamil luar nikah serta terpaksa dipisahkan dengan keluarga ekoran pengabaian oleh ibu bapa. Intervensi ini sering kali digunakan oleh Pekerja Sosial bagi mengurangkan tekanan, mengurangkan simptom trauma, mengembalikan fungsi dan tidak memburukkan lagi keadaan.

Pada peringkat awal, Pekerja Sosial mengenal pasti perkara atau peristiwa yang menyebabkan tekanan hebat ke atas klien seperti dalam kes ini klien hamil luar nikah pada usia yang sangat muda. Setelah itu, Pekerja Sosial akan membuat penerokaan tentang kefungsian klien dengan melihat keadaan afektif (*affective state*) untuk mengetahui sama ada klien mengalami kesan yang abnormal atau perasaan yang tidak sepatutnya wujud dari peristiwa itu, seperti menafikan apa yang dirasakan oleh dirinya. Pekerja Sosial juga turut meneroka kefungsian tingkah laku yang berfokus pada perbuatan, tindakan, mengambil langkah aktif, kelakuan atau apa sahaja aktiviti psikomotor. Keadaan Kognitif (*Cognitive state*) yang berfokus kepada pola pemikiran klien turut diteroka. Bagi kes ini klien dapat dibantu untuk mengubah persepsiannya melihat kehidupannya akan lebih bahagia dan bermakna dengan kehadiran anaknya yang comel dan sihat. Penilaian situasi yang melibatkan psikobiologikal turut dilakukan yang mana dalam kes ini, klien tidak ada mengambil alkohol atau apa-apa jenis ubat.

Di samping itu, Pekerja Sosial perlu meneliti beberapa persoalan seperti apakah tindakan dan pilihan yang klien ada sebelum krisis? Apakah pilihan itu realistik? Apakah sistem sokongan sosial yang klien ada? Siapakah individu atau institusi yang boleh membantu atau menyokong klien? Seperti di dalam kes ini, klien difikirkan sesuai diletakkan di rumah kanak-kanak memandangkan kebajikannya terabai kerana tidak bersekolah, mengandung tanpa nikah pada usia yang sangat muda serta tidak mempunyai sokongan sosial yang lain. Penempatan di institusi akan memberikannya kehidupan baharu untuk menimba ilmu dan bersekolah, mengenali dunia luar dan insan lain serta dapat berdikari. Potensi bunuh diri turut diperhatikan jika ada sebarang tanda yang boleh membawa keadaan klien menjadi lebih kritikal. Dalam kes ini klien tidak memperlihatkan sebarang tanda untuk membunuh diri atau mencederakan orang lain.

Oleh kerana sebelum ini klien mendapat kasih sayang daripada ibu bapa dan ahli keluarganya maka kasih sayang yang sama terus dicurahkan kepada klien di institusi melalui kawan-kawan dan anaknya. Tekanan klien pula cuba dikurangkan dengan melibatkan klien dalam pelbagai program di institusi. Selain itu, hubungan klien dan anaknya dieratkan dengan menggalakkan klien untuk melaksanakan tugasnya sebagai seorang ibu seperti membenarkan klien berjumpa, bermesra, meluangkan masa dan menyusukan anaknya setiap hari dengan menyediakan jadual khas bagi tujuan tersebut.

Menggunakan Model Berpusatkan Tugasan klien ini telah diberikan tugas tertentu untuk dilaksanakan. Klien telah dibantu untuk memahami pelbagai peranan barunya iaitu sebagai ibu dan sebagai pelajar serta diberikan tugas melalui persetujuan bersama untuk menjalankan peranan-peranannya itu. Contohnya sebagai pelajar, klien perlu membuat latihan menulis serta membaca agar klien lebih bersedia menghadapi alam persekolahan dan menimba ilmu. Sebagai seorang ibu pula, klien perlu mendapatkan ilmu keibubapaan dengan pembacaan dan bertanya pengalaman-pengalaman pembantu di situ.

Selain itu, kaunseling individu secara berkala dan berjadual turut diberikan kepada klien oleh kaunselor. Kaunseling dan bimbingan ini penting agar dapat memberikan klien semangat dan sokongan untuk terus kuat dan berusaha serta mengubah persepsi terhadap kehidupannya. Sesi kaunseling ini juga menumpukan kepada persediaan klien untuk menghadapi alam persekolahan yang akan ditempuhinya.

### **TIPS IBU MUDA HAMIL TANPA NIKAH**

1. Remaja yang menjadi ibu dinasihatkan untuk meneruskan persekolahan.

2. Dapatkan sebanyak mungkin ilmu pengetahuan berkaitan penjagaan bayi dan keibubapaan.
3. Belajar daripada kesilapan silam dan bangkit ke arah kehidupan yang lebih positif.
4. Dapatkan bantuan dan khidmat nasihat daripada mereka yang berpengalaman terutama daripada profesional.
5. Pastikan anak mempunyai sijil kelahiran dan dokumen lain yang sah.
6. Sebab atau punca remaja hamil melalui kisah dipaparkan ini boleh dijadikan iktibar oleh remaja-remaja lain supaya tidak terjebak dalam permasalahan yang sama.



## Kisah 5: SIAPA AKU

Oleh: Sharull Khamis



Jam menunjukkan 8 pagi, setibanya aku di parkir motosikal di pangsapuri kediamanku, aku melalui lorong pejalan kaki menuju ke lif untuk ke rumah. Sedang aku berjalan, tiba-tiba bunyi yang kuat menghentam lantai di belakangku “Prannngggg” Dalam terkejut bercampur marah, aku melihat sebungkus plastik sampah berisi kaca botol kicap dan sos, dan dengan spontan aku berteriak “Woii! Kurang ajar! Nasib tak kena aku!” Itulah suasana yang biasa di flat tempat tinggalku di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

Dalam hatiku pula berkata “Ahh!! Lantaklah engkau, mahu buat apa pun, janji jangan kena aku sudah!” Aku pun meneruskan langkahku sehingga ke rumah. Dek kerana masih terkejut aku mengambil segelas air untuk menenangkan hati sambil duduk di sofa kayu jati ini. Setelah meneguk air, aku membiarkan sahaja gelas itu di meja kecil. “Nanti-nanti ayah kemas,” dalam hatiku berbisik.

“Argghhhh, ngantuknya, sekejap lagi ayah balik, baik aku tidur dulu..” Aku menanggalkan baju dan melemparkan baju yang kupakai dan merebahkan badanku ini di atas katil di ruang tamu. Ramai yang mengatakan aku ‘sado’, mungkin sebab badanku yang agak besar dan tinggi.

Aku biarkan semua hal di rumah diuruskan oleh ayah dan adik beradik yang lain. Aku bosan dengan keadaan rumah yang sempit dan persekitaran yang agak melemaskan bagiku untuk aktif dan bersosial.

Sambil ingin melepaskan mata, fikiranku menerawang. Terdetik di hatiku apakah yang aku lakukan ini betul atau salah? Kenapa aku bersikap begini? Semua perkara aku serahkan kepada ayah. Dulu semasa di kawasan setinggan aku tidak seperti ini. Mungkinkah

persekitaran di sini dengan sikap jiran tetangga yang menjengkelkan membuatkan aku bosan dan malas untuk bercampur mereka? Apalagi untuk mengikuti sebarang aktiviti dan program masyarakat yang dijalankan.

Bagi aku semua sama sahaja tiada kesedaran sivik! Hendak harapkan ketua blok, imam, ahli politik, ketua kawasan, ayah??? Huh!! Semua sama sahaja, gila kuasa untuk kepentingan diri. Buktinya, setelah hampir 20 tahun PPRT ini wujud, jangan kata isu kebersihan, masalah sosial ataupun keselamatan, isu jawatankuasa penduduk pun tidak pernah selesai dek kerana masing-masing ingin menjadi ketua yang kononnya boleh menjaga kebajikan dan keperluan penduduk.

Kerana aku telah muak dengan pelbagai alasan dan pengalaman bersama kejiranan di sini aku mengambil keputusan untuk tidak mengambil peduli dan buat hal sendiri sahaja iaitu kerja, makan dan tidur sahaja “Lantaklah, bukan salah aku.”.

Tapi, ada rasa di hati kecilku terdetik dan berharap suatu perubahan akan berlaku demi masa depan aku, kanak-kanak dan remaja di sini yang aku rasakan memerlukan perhatian dan penjagaan yang baik dari ibu bapa dan jiran tetangga seperti aku di setinggan dahulu di mana semua orang tua mengambil berat akan hal dan aktiviti anak-anak dan menegur yang mana salah tanpa sebarang isu atau pergaduhan, namun aku pelik kenapa bila berpindah di sini semuanya berubah?

Aku juga merasa sangat bersalah kepada ayahku yang selama ini menguruskan rumah dan mengambil berat tantang aku, tapi aku saja yang membutakan mata dan memekakkan telinga dengan semua perkara. “Ya Allah!! Apa yang telah aku lakukan?”. Aku sepatutnya menjadi anak lelaki yang baik dan menjadi contoh kepada masyarakat di sini bukannya menunggu masyarakat yang berubah. Aku keliru dan terus keliru.



## CADANGAN INTERVENSI

Klien merupakan remaja lelaki berbadan besar dan sihat yang baru tamat persekolahan tingkatan lima di pusat bandar raya Kuala Lumpur. Klien baru kehilangan ibu yang telah meninggal dunia tahun lepas, kini klien tinggal bersama bapa dan abang sulungnya. Hubungan klien dengan bapa dan adik beradik yang lain tidak berapa baik dan sering terjadi percaduhan sejak ibunya meninggal dunia. Klien tinggal di sebuah rumah flat PPRT yang mempunyai tiga bilik dan dua bilik air yang sempit dan persekitaran yang kotor. Keadaan rumah klien agak bersepeh dengan barang yang terlalu banyak sehingga hanya mempunyai ruang untuk berjalan dan menonton televisyen sahaja, selebihnya adalah barang dalam kotak yang tidak tersusun yang membuatkan klien merasakan tidak berminat untuk mengemas kerana serabut dengan barang yang banyak. Ditambah pula klien tidak mempunyai bilik sendiri kerana semua bilik telah digunakan oleh bapa, abang dan kakaknya walaupun hanya tinggal tiga orang sahaja di rumah tersebut. Hubungan yang tidak baik di antara adik-beradik dan bapa juga menyebabkan institusi keluarga tidak berfungsi dengan baik. Hubungan klien dengan masyarakat setempat juga tidak rapat kerana masing-masing hanya membuat hal sendiri. Begitu juga pemimpin tempatan yang tidak memainkan peranan yang sewajarnya dalam memberikan perkhidmatan dan badan yang boleh dianggap sebagai perujuk kerana perebutan kuasa. Hal-hal sedemikian membuatkan klien merasa bosan dengan situasi yang terkesan terhadap dirinya.

Berdasarkan penilaian situasi yang dijalankan dengan mengkaji sudut intrapersonal dan interpersonal klien, situasi klien boleh dikaitkan dengan keperluan asas yang tidak dapat dipenuhi dari segi tempat tinggal yang tidak kondusif, tidak mendapat kasih sayang yang mencukupi, rasa kurang selamat, dan impian klien untuk mendapat keluarga bahagia. Selain itu ketidakfungsian dan kekeliruan peranan ahli keluarga telah mencetuskan konflik dalam keluarga klien.

Kawasan tempat tinggal juga boleh mempengaruhi tingkah laku klien. Tingkah laku manusia berkait rapat dengan persekitaran sosial dan fizikal contohnya rakan-rakan dan persekitaran tempat tinggal, perperangan, kem pelarian dan lain-lain.

Dalam proses membantu klien juga, Pekerja Sosial telah menggunakan kemahiran temubual mendalam dengan klien bagi memahami kekaburan peranan (*role ambiguity*) klien. Dalam kes ini klien merasa keliru dengan inter-peranan yang pelbagai sebagai seorang anak dan ahli masyarakat. Klien dilihat mula mencapai kematangan moral apabila mula memikirkan peranan yang boleh dimainkan untuk kebaikan orang lain. Di samping itu, Pekerja Sosial cuba berbincang dengan klien dapatan analisis tentang kekuatan personal dan sumber persekitaran yang dimiliki oleh klien. Ini akan secara langsung membantu klien untuk lebih bermotivasi dan menyedari kelebihan yang ada dalam diri klien seterusnya mampu diperkasakan.

Pendekatan Model Berpusatkan Tugasan turut digunakan dalam menjalankan intervensi ke atas keluarga klien dengan persetujuan bersama. Melalui perbincangan yang telah dijalankan, satu bentuk tugasan telah dibangunkan bagi menentukan fungsi dan peranan setiap ahli keluarga dengan lebih sistematik. Perjanjian kontingensi juga dilakukan dengan persetujuan semua ahli keluarga melalui tugasan yang sesuai. Hubungan kolaboratif dengan Pekerja Sosial juga berperanan mengukuhkan lagi aspek peranan dan tugasan yang perlu dilakukan berjalan dengan baik.

Selain itu juga, Pekerja Sosial bertindak dengan merujuk kes klien kepada kaunselor yang bertauliah untuk menjalani sesi kaunseling bagi meningkatkan kekuatan dalaman diri klien, menjadi lebih jelas tentang peranan yang boleh dimainkan dan berpotensi bertindak

memulakan langkah untuk membangunkan diri sendiri dan komuniti remaja di tempat tinggalnya.

Pekerja Sosial juga boleh melaksanakan terapi keluarga di rumah melalui beberapa teknik seperti *humor* dan lakon watak untuk membantu ahli keluarga membentuk suasana keluarga yang terbuka agar perubahan boleh berlaku. Terapi keluarga sangat baik untuk dilaksanakan kepada semua keluarga yang mempunyai konflik atau krisis dalam membantu institusi keluarga itu berfungsi dengan baik. Dengan cara ini, peranan setiap ahli keluarga akan jelas. Selain daripada itu, hubungan kekeluargaan juga akan dapat dieratkan.

Disamping itu, Pekerja Sosial juga cuba meneroka sumber persekitaran yang dapat membantu klien dan mendapati bahawa di kawasan perumahan klien, terdapat satu organisasi di bawah kelolaan Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu Pusat Komuniti PERKASA yang menjalankan Program PERKASA Remaja bertujuan untuk mengasah bakat dan kemahiran remaja dan kanak-kanak. Maka, Pekerja Sosial telah mencadangkan dan seterusnya membantu klien agar dapat mengikuti program yang dianjurkan oleh PERKASA mengikut minat dan kemahiran klien. Hal ini penting bagi mengisi masa lapang klien dan mencegah klien daripada terjebak kepada bahaya moral.

Pekerja Sosial turut membantu keluarga klien melalui kerjasama dengan beberapa agensi yang boleh menambah baik fungsi keluarga serta menyerlahkan potensi diri klien seperti menghubungkan bapa klien kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi bantuan kewangan, membimbing klien untuk membuat permohonan kemasukan ke Giat MARA bagi kemahiran yang diminati dan membimbing klien agar mengikuti kursus pengurusan kewangan dan keusahawanan.

Sebagai tambahan, Pekerja Sosial turut bertindak sebagai pencetus (*initiator*) dengan berjumpa ketua komuniti di kawasan tersebut untuk membincangkan permasalahan yang berlaku dan cuba mencadangkan perkara yang perlu diambil berat seperti mengadakan program secara muafakat bersama, senaman bulanan atau kenduri komuniti untuk merapatkan lagi hubungan komuniti di kawasan tersebut. Program-program khas untuk kanak-kanak dan remaja demi membaik pulih sistem kejiranan sedia ada turut dicadangkan dengan membentuk jawatankuasa sosial khas berkaitan isu kanak-kanak dan remaja di peringkat komuniti klien. Jawatankuasa ini boleh bekerjasama dengan pihak PERKASA Remaja yang sedia ada di kejiranan tersebut.

Pekerja Sosial juga perlu membuat penilaian semula terhadap klien dan situasi semasa klien berdasarkan matlamat dan tugasan yang diberikan sebagai galakan dan sejauh mana perubahan yang dialami sama ada positif atau sebaliknya. Daripada penilaian tersebut Pekerja Sosial akan cuba memberikan motivasi agar klien terus meningkatkan potensi diri hingga boleh menjadi contoh kepada remaja lain di flat tempat klien tinggal.

\* Pusat Komuniti PERKASA: Pusat Komuniti PERKASA adalah program intervensi dan penyelidikan di bawah kelolaan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk tujuan menjalankan pelbagai program pemerkasaan remaja demi membina generasi muda yang cemerlang.



## TIPS REMAJA AKTIF

1. Kenal pasti matlamat dalam hidup dan berusaha untuk mencapainya.
2. Sentiasa aktif dengan melibatkan diri dalam aktiviti kejiranan terutama yang melibatkan aktiviti remaja.

3. Sentiasa bersikap prososial dan berani memulakan sesuatu yang berfaedah untuk kebaikan masyarakat.
4. Tidak menimbulkan masalah kepada orang lain dan saling bertolak ansur.
5. Mengelakkan daripada terlibat dengan ajakan rakan yang negatif dan tingkah laku devian atau jenayah.
6. Berkongsi masalah dengan orang yang dipercayai terutama ibu bapa atau guru.
7. Merujuk kes-kes yang mencurigakan kepada pihak berkuasa atau bertanggungjawab.



## Kisah 6: TERPASUNG DERITA

Oleh: Mohd Amry Minggo

Berulang kali aku mencuba  
Selalu untuk mengalah  
Demi keutuhan kita berdua  
Walau kadang sakit

Lihatlah tanda merah di pipi  
Bekas tampar tanganmu  
Sering kau lakukan bila kau marah  
Menutupi salah

Lagu Hati yang Luka nyanyian Obbie Meskha berkumandang di segenap ruang bilik ku. Lagu ini seolah-olah mengerti perasaan aku ketika ini. Tanpa ku sedar, air mata mengalir untuk sekian kali. Entah yang ke berapa... aku sendiri pun tidak pasti. Peristiwa semalam benar-benar membuat aku nekad dengan keputusan ini.

Malam itu, ketika aku menjalankan rutin berniaga di pasar malam, tiba-tiba suami ku datang dan terus mengherdik aku yang sedang melayan seorang pelanggan lelaki yang ingin membeli baju di gerai tempat aku berniaga.

“Siapa ni ?!”

“Kau nak berniaga atau menggatal!”

“Kau nak aku bogelkan kau di sinikah ?!”

“Perempuan tak tahu malu !”

PANGG!!!!....

Satu tamparan yang sangat kuat hinggap di pipi kanan ku. Aku rasa dunia berpusing dan menjadi suram, beransur-ansur gelap, segelap malam tanpa bulan, pandangan menjadi kelam. Seolah-olah aku menyelam di lautan yang paling dalam, lemas dek tiada udara. Di manakah aku? Alam mana ni?

“Anisah, bangun nak...” aku terdengar satu suara yang aku kenali. Ya..itu suara ibuku memanggil namaku. Aku cuba membuka mata secara perlahan, aku mengamati keadaan sekeliling, aku menjadi bingung seketika dan cuba mengingati kembali apa yang telah berlaku. Kepalaku terasa berat. Pipiku terasa pedih. Aku meraba pipi ku, ermm.. pedih...

Rupanya sekarang aku berada di hospital kerana pengsan selepas ditampar teruk oleh suamiku di pasar malam tempat aku berniaga untuk menyara kehidupanku dengan anak-anak. Selama ini pun, hanya aku yang bersusah payah menanggung keluarga sedangkan suamiku langsung tidak ambil peduli hal ehwal kewangan dan anak-anak. Aku hanya tempat untuknya melampiaskan nafsu.

Penderitaan yang aku tanggung ini sebenarnya berlaku sejak lima tahun lalu. Aku rahiakan perkara ini daripada pengetahuan sesiapa terutamanya ahli keluarga kerana bimbang akan memburukkan keadaan lagi. Hampir setiap hari aku diugut bunuh dan dipukul oleh suamiku. Aku tetap bertahan demi anak-anakku yang masih kecil yang tidak tahu apa-apa. Aku tidak mahu mereka membesar tanpa kasih sayang seorang ayah. Lagi pun status ‘janda’ itu amat mengerikan bagi aku. Siapa yang sanggup menjadi janda muda berusia 26 tahun?

Tapi hari ini aku akan membongkar segala-segalanya, cukuplah lima tahun aku terseksa. Aku dimaklumkan oleh Jururawat yang bertugas di OSCC (*One Stop Crisis Centre*) bahawa kes aku telah dirujuk ke

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pegawai JKM akan membantu dalam menyelesaikan masalah yang aku hadapi.

Hatiku berasa lega. Rasa sudah tidak tertanggung sungguh derita ini. Petang itu, aku telah pergi ke Pejabat Kebajikan Masyarakat dan berjumpa dengan Encik Amry. Dengan ramah, beliau telah memperkenalkan diri dan memaklumkan bahawa kes aku telah dimaklumkan oleh pihak hospital. Beliau telah menerangkan perkhidmatan yang disediakan kepada aku sebagai klien mangsa keganasan rumah tangga. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah mendapatkan Perintah Pelindungan Sementara (IPO) daripada mahkamah bagi mengelakkan suamiku daripada memukul lagi. Beliau juga memberi maklumat yang sangat jelas dan baik demi kebaikan aku.

Aku membuat keputusan untuk mendapatkan Perintah Pelindungan dan merujuk sendiri kes aku ke Jabatan Agama Islam untuk mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling dari mereka.

Aku membuat keputusan untuk bercerai setelah memikirkan tiada lagi bahagia yang pernah dia janjikan dahulu. Aku yakin ini ujian dari-Nya dan aku redha atas ketentuan Ilahi. Pasti ada sinar dan hikmah sebalik semua ini. Insya Allah...

Lagu itu berkumandang lagi ...

Kalaularah memang kita berpisah  
Itu bukan suratan  
Mungkin ini lebih baik agar kau puas  
Membahagi cintamu  
Pulangkan saja aku pada ibuku  
Atau ayahku  
Dulu segenggam emas  
Kau pinang aku

Dulu bersumpah janji  
Di depan saksi  
Namun semua hilanglah sudah ditelan dusta  
Namun semua tinggal cerita hati yang luka.



## CADANGAN INTERVENSI

Klien yang sedang berada dalam keadaan kritikal seperti ini sedang mengalami jenis krisis situasi, oleh yang demikian, adalah penting Pekerja Sosial meneroka tahap kefungsian klien dalam aspek kognitif, tingkah laku mahupun emosi. Sementara klien berada di hospital, Pekerja Sosial boleh membantu klien dengan memberikan interaksi terapeutik semasa melakukan penilaian situasi ke atas klien. Faktor keselamatan klien dan anak harus diutamakan terlebih dahulu sebelum keadaan menjadi lebih tidak terkawal. Jika klien kelihatan masih boleh membuat keputusan untuk perkara-perkara yang kecil, maka klien boleh dibantu secara kaunseling tindakan secara kolaborasi dan tidak terarah.

Dalam kes ini, adalah penting Pekerja Sosial memainkan peranan dalam membantu klien untuk mendapatkan perintah perlindungan sementara daripada Mahkamah. Lazimnya, Pekerja Sosial akan memberi khidmat nasihat kepada klien. Khidmat nasihat yang diberikan adalah berkaitan dengan tindakan yang boleh diambil oleh klien untuk menjaga keselamatan diri dan anaknya. Pada peringkat awal, Pekerja Sosial menerangkan berkenaan perintah pelindungan yang boleh diambil oleh klien untuk melindungi diri agar suami tidak lagi boleh mengasari klien. Pekerja Sosial menerangkan kepada mangsa keganasan rumah tangga berkaitan proses permohonan bagi IPO di mahkamah mengikut Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Seksyen 12) dengan jelas. Mangsa dimaklumkan bahawa akta ini juga memperuntukan kuasa kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk

memfailkan permohonan IPO secara *ex-part*e bagi pihak mangsa. Pekerja Sosial juga menjelaskan kepada mangsa tentang hak untuk mendapatkan perlindungan terhadap keganasan rumah tangga.

Klien dinasihatkan agar membuat laporan polis dan mendapatkan laporan perubatan daripada pihak hospital. Setelah dibenarkan pulang oleh pihak hospital, bagi memudahkan klien dan menjaga keselamatan klien, Pekerja Sosial mengaturkan pengangkutan bagi mangsa itu ke kediaman alternatif / tempat selamat / tempat berlindung apabila masih merasakan bahawa rumahnya masih tidak selamat untuk didiami. Sekiranya bersetuju, Pekerja Sosial juga boleh menemani mangsa ke kediaman mangsa itu atau kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya.

Dalam masa yang sama, Pekerja Sosial boleh merujuk klien kepada kaunselor apabila urusan mendapatkan perintah perlindungan serta perubatan selesai. Klien dirujuk kepada kaunselor agar memperoleh perkhidmatan kaunseling bagi membantu klien meningkatkan semula keyakinan diri dan mengatasi rasa trauma akibat penderaan yang telah dialami hampir lima tahun. Sekiranya klien mengalami masalah kewangan, Pekerja Sosial boleh mempertimbangkan bantuan kewangan. Bagi perkara yang melibatkan anak klien pula, Pekerja Sosial merujuk mangsa kanak-kanak kepada Pelindung di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Tujuan merujuk anak-anak mangsa kepada pelindung adalah untuk menjaga kebaikan anak-anak tersebut.

Sebagai langkah berjaga-jaga, klien dinasihatkan agar sentiasa berwaspada kerana dikhawatiri suami klien akan mencederakan klien lagi. Klien juga dinasihatkan agar tidak keluar rumah berseorangan. Klien perlu menyimpan nombor telefon balai polis yang berdekatan agar dapat menghubungi segera pihak polis sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.



## TIPS MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

1. Fikirkan secara rasional tentang keselamatan diri dan kesan psikologi ke atas kanak-kanak.
2. Jangan mudah terpedaya dengan pujuhan semula suami selagi dia tidak membuktikan janjiannya untuk berubah/tidak lagi mendera.
3. Berkongsi / beritahu ahli keluarga terdekat atau teman rapat tentang situasi yang berlaku.
4. Pastikan mempunyai simpanan kewangan yang mencukupi untuk menyara diri dan anak-anak sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga bulan.
5. Mula mengintai peluang pekerjaan (sekiranya mangsa tidak bekerja) untuk kurangkan kebergantungan kepada suami.
6. Dapatkan bantuan daripada profesional atau telefon ke talian Nur 15999.



## Kisah 7. SEREDUP MATA BALQIS

Oleh: Nasir Othman



Betapa Balqis terpaku apabila mengenang nasib diri bukan dari benih yang halal dan bermaruah. Tanpa disedari ada jernih halus bergenang di kelopak mata Balqis lantas bercucuran membasahi pipi. Tika itu, terpacul keluar dari mulut keramat nenek yang amat marah kepada Balqis lantas melontarkan kata-kata sinis “jangan kau turut jejak mak kau tu, pandai buat anak, jantan mana pun semua dia ikut.!!”, kata-kata itu membuatkan Balqis tersentap, “apakah dosa aku dilahirkan begini, kenapakah semua ini terjadi pada aku?” Itulah yang terdetik dari hati kecil Balqis. Hakikatnya nenek Balqis tidak bermaksud untuk menghina Balqis, kata-kata itu terkeluar dari mulutnya kerana terlalu marahkan sikap Balqis yang tidak pulang ke rumah kerana tidur di rumah Erin, kawan baik Balqis yang tinggal di kawasan perumahan flat PPR di ibu kota besar Kuala Lumpur. Kisah hidup Balqis sepetimana diceritakan oleh nenek, Balqis adalah anak luar nikah hasil hubungan ibu Balqis dengan lelaki yang baru dikenali ibu. Ibu Balqis merupakan “bohsia” flat yang sering menjadi ratahan lelaki hidung belang yang mencari kepuasan batin kerana ibu pandai melayan dan memberi peluang.

Memandangkan ibu seorang penagih dadah tegar dan tidak boleh hidup tanpa mengambil dadah, dia sanggup menggadai maruah diri semata ingin mendapatkan dadah walau dengan apa cara sekalipun. Sudah puas hati tua nenek Balqis menangis melarang ibu namun tidak pernah diendahkannya malah dihina dan dicaci pula si tua itu yang telah menjangkau lewat 70-an dengan kata-kata kesat.

Sering kali Balqis bertengkar dengan ibu kerana mempertahankan nenek yang telah dianggap umpama ibu kandung Balqis memandangkan dialah yang menjaga Balqis dan mendidik Balqis sejak

lahir. Ibu tidak pernah mempedulikan Balqis dan nenek sudah jelek dengan ibu yang sudah banyak kali melahirkan anak luar nikah seperti Balqis yang kesemuanya diberikan kepada orang lain. Entah apakah nasib abang dan kakak Balqis yang sebelum ini diberikan kepada orang lain, Balqis tidak pernah bertemu dan mengetahui tentang mereka. Nenek Balqis berkeras mengambil Balqis untuk dijaga kerana tidak sanggup lagi membiarkan ibu terus memperjudikan anak-anak yang sudah empat orang dilahirkan berbin dan berbintikan “Abdullah” termasuk Balqis. Nasib Balqis agak baik kerana dipelihara dan diberikan didikan oleh nenek yang memberikan Balqis peluang untuk bersekolah di sekolah kebangsaan berdekatan dalam darjah lima.

Kehidupan Balqis di flat ini agak mencabar kerana saban hari Balqis pasti berhadapan dengan “pusher” dadah yang berurus di kawasan ini serta aktiviti tidak bermoral di kalangan remaja flat yang berpeleseran. Kadang-kadang Balqis bermain di sekitar bawah flat yang menjadi pusat aktiviti setempat yang mengadakan aktiviti yang Balqis sendiri tidak faham pun apa yang dilakukan. Jauh di sudut hati, Balqis selalu merasa bimbang jika nenek yang telah tua itu akan meninggalkannya. Pada siapalah lagi tempat boleh Balqis bergantung.



## CADANGAN INTERVENSI

Pekerja Sosial telah membuat penilaian situasi ke atas klien ini dengan mengenalpasti kefungsian keluarga. Menerusi hasil analisis, didapati keluarga ini berada dalam kategori *chaotic family power*; iaitu ketiadaan struktur kuasa dalam keluarga yang boleh menyebabkan kepimpinan dan nilai-nilai yang tidak baik, serta sosialisasi kanak-kanak yang tidak dapat dijangkakan. Dalam aspek fleksibiliti keluarga yang bermaksud jumlah perubahan kuasa memimpin, peranan perhubungan, dan peraturan kepimpinan pula, keluarga klien dikenal pasti berada pada titik perhubungan yang bermasalah iaitu pada



*chaotic disengaged* di mana struktur kejelekitan hubungan kekeluargaan klien tidak rapat dan bermasalah.

Sehubungan itu, Pekerja Sosial bertemu dengan ibu Balqis untuk membincangkan kepentingan memperbaiki hubungan kekeluargaan demi kebaikan anaknya. Walaupun reaksi negatif yang diterima memandangkan ibu Balqis langsung tidak mempedulikan kebaikan Balqis dan dengan keadaan ibunya yang kurang stabil akibat ketagihan dadah, namun Pekerja Sosial tetap meneruskan memberi khidmat nasihat yang bersesuaian dengan situasi klien. Pekerja Sosial juga memberi khidmat nasihat kepada ibu Balqis yang terlibat dengan penagihan dadah untuk menggalakkannya merujuk kepada Agensi Anti Dadah kebangsaan bagi mendapatkan khidmat rawatan dan pemulihan.

Merujuk kepada kefungsian kewangan, Pekerja Sosial mendapati bahawa keluarga ini sangat bergantung kepada pendapatan nenek yang hanya berniaga nasi lemak. Pendapatan ibu Balqis pula telah habis digunakan untuk membiayai dadah. Oleh yang demikian, Pekerja Sosial juga berperanan membantu nenek untuk memohon Bantuan Orang Tua (BOT) daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapat bantuan bulanan sebanyak RM300 setiap bulan bagi meringankan beban keluarga kepada neneknya yang uzur.

Pekerja Sosial turut bertindak dengan menghubungkan Balqis dengan program PERKASA Remaja di bawah kendalian Universiti Kebangsaan Malaysia. Pusat Komuniti PERKASA sudah lama menjalankan aktiviti masyarakat di flat berkenaan, namun Balqis tidak tahu bagaimana untuk terlibat. Pelbagai aktiviti seperti membuat roti dan kek, belajar Bahasa Inggeris, muzik, yang diselangi dengan khidmat nasihat dan kaunseling serta lain-lain lagi ditawarkan oleh PERKASA sebagai usaha membantu remaja berisiko di flat tersebut. Balqis cuba dilibatkan dalam aktiviti bersesuaian walaupun masih baru berumur 11 tahun.

Di peringkat komuniti pula, Pekerja Sosial berusaha untuk memperkasakan masyarakat setempat dengan mengadakan kempen kesedaran dan pencegahan berkaitan dadah serta gejala sosial. Ini adalah penting dilakukan dengan kerap bagi memberi kesedaran kepada komuniti tentang bahaya dadah tambahan pula melalui penilaian risiko, didapati terdapat ramai *pusher* di kawasan tersebut. Pekerja Sosial juga cuba mendapatkan kerjasama pihak polis untuk menempatkan balai polis bergerak di kawasan tersebut untuk membanteras aktiviti tidak bermoral dan jenayah.



### **TIPS PENJAGAAN KANAK-KANAK DI KAWASAN BERISIKO**

1. Pastikan tahu ke mana dan dengan siapa kanak-kanak selalu menghabiskan masa.
2. Jangan tinggalkan kanak-kanak bersendirian tanpa pengawasan orang dewasa.
3. Tingkatkan keselamatan kediaman dan sentiasa berjaga-jaga.
4. Amalkan sikap kejiranan yang baik dan saling mengenali jiran.
5. Tingkatkan resiliensi kanak-kanak dengan kerohanian dan keagamaan.
6. Segera bertindak jika terdapat tingkah laku kanak-kanak yang mencurigakan.



## Kisah 8: MASIH ADA SINAR DI HUJUNG GELAP

Oleh: Shahrol Rozaat



Petang itu hujan turun seperti faham hatiku yang sedang bersedih. Jendela rumahku masih terbuka kedengaran hujan semakin lebat. Pohon kelapa dari jauh bergerak ke kiri dan ke kanan ditiup angin kencang. Panorama tepat di hadapanku adalah tanah lapang yang ditumbuhi rumput dan belukar.

“Assalamualaikum, mak...oh mak..” Sayup suara kedengaran di luar pintu rumah sambil kedengaran semakin kuat ketukan pintu kayu rumahku.

“Ya...kejap..kejap” ujarku lantas segera membuka pintu. Di hadapanku, Aliff, anakku yang baru pulang dari sekolah. Basah lencun baju dan seluarnya dek dibasahi hujan. Segera aku mengambil tuala dan menyuruhnya mandi dan menukar pakaian.

Melihat Aliff pulang, semakin sayu hatiku mengenang masa depan anak-anakku. Nasibku sentiasa dirundung kekecewaan sejak kanak-kanak lagi. Tiba-tiba air mataku mengalir membasahi pipi. Aku tidak mahu anak-anakku mengalami nasib seperti diriku.

Sejak kecil lagi aku tidak mendapat kasih sayang dari kedua ibu bapaku. Ibu bapaku sering bergaduh dan bertengkar. Sepak terajang sudah menjadi mainan bapaku. Malahan ketika usiaku tujuh tahun lagi aku menjadi mangsa panas baran bapaku yang merupakan seorang kaki botol. Aku sering dipukul dengan menggunakan kayu dan tali pinggang walaupun atas kesalahan kecil. Aku sungguh berdendam dengan bapaku. Ketika berusia 12 tahun ibu bapaku bercerai. Aku berharap penderitaan aku berakhir namun sangkaanku meleset. Episod hitam yang kusangkakan akan berakhir rupanya baru bermula.

Aku dijaga oleh bapaku dan ibu tiriku, manakala dua adik-beradiku diambil oleh ibuku. Walaupun bapaku sudah berkahwin baru, namun sikap beliau yang kaki botol, kaki pukul dan panas baran itu masih sama.

Lamunanku terhenti tatkala bajuku disentap dari belakang. Rupanya anakku yang bongsu, Natasya. “Mak... adik lapar...” kata Natasya. Segera aku ke dapur membancuh secawan air teh O panas dan kusuakan juga biskut lemak. Sambil aku melihat Natasya makan, kurenung wajahnya. Tapi dalam hatiku bertanya. Apakah nasibnya seperti diriku nanti?

Tiba-tiba rasa marahku membuak-buak mengenangkan peristiwa hitam yang lalu. Aku dinodai bapa kandungku sendiri ketika aku berusia 14 tahun. Ketika itu hanya Tuhan yang tahu perasaanku seperti kaca dihempas ke lantai. Perubahan perwatakan diriku disedari oleh ustazah di sekolah apabila pelajaran aku merosot, sering ponteng sekolah dan mudah marah. Akhirnya bapaku dipenjara selama lapan tahun. Aku tinggal dengan ibuku selepas itu, namun aku merasakan ibuku bersalah selama ini kerana tidak menjagaku. Aku suka melawan kata-kata ibuku, lantas ibuku menyerahkan aku kepada datukku di Pontian.

Ketika itu usiaku berusia 18 tahun, muda dan cantik. Ramai lelaki terpikat padaku semasa aku bekerja di sebuah kilang di Pontian Kecil. Akhirnya aku jatuh cinta dengan seorang lelaki dari pantai Timur. Aku mengharap kasih sayangnya hingga sanggup melarikan diri ke tempat lahir beliau. Namun sinar yang aku harapkan rupanya hanya angan-angan sahaja. Aku ditipu olehnya dan meninggalkan aku keseorangan. Hinggalah aku diperkenalkan oleh seorang lelaki bernama Zaid oleh bapa angkatku.

Kami berkahwin dan dikurniakan seorang anak. Ketika itu suamiku berusia 23 tahun. Malang sekali lagi bagiku suamiku ini seorang

penagih dadah dan tidak bertanggungjawab. Aku mengambil keputusan bercerai dan pulang semula ke Pontian.

Pada ketika itu usiaku baru menginjak 22 tahun, bapaku sudah keluar dari penjara. Aku pulang ke Pontian dan tinggal bersama beliau dan berharap beliau sudah insaf. Namun hakikatnya beliau tidak pernah insaf, beliau masih cuba mengambil kesempatan sekali lagi. Hanya tiga bulan sahaja aku tinggal bersama beliau dan melarikan diri ke rumah datukku di Pontian. Semasa di Pontian ini aku telah berkahwin dengan sorang warga Indonesia bernama Mustakim. Beliau merupakan rakan bapaku. Mustakim tahu peristiwa aku dan bapaku. Namun, aku pula mudah jatuh cinta dengan ayat-ayat manisnya. Aku telah hamil tanpa nikah sebelum berkahwin dengan beliau. Selepas itu aku berkahwin secara sindiket dan membayar sebanyak RM5000 untuk perkahwinan tersebut. Namun tiada sijil pernikahan dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam. Akhirnya suamiku ditangkap oleh pihak berkuasa kerana menggunakan pengenalan palsu. Aku mendapat hak penjagaan Aliff dan kami berpindah ke Johor Bahru.

Anaku Natasya sudah habis minum petang, aku segera mengemas meja di dapur. Hujan pun semakin reda. Sambil membasuh cawan di singki aku teringat peristiwa 10 tahun yang lalu.

“Aku nak kahwin juga dengan Liza ni” bentak Sarbini. Kalau engkau orang tak setuju takpe aku tetap akan kahwin dengan dia. Suamiku sekarang ini mempunyai beza umur yang jauh dengan diriku. Ketika aku kahwin dengan beliau usiaku baru 27 tahun dan beliau 54 tahun. Sebenarnya beliau adalah ayah angkat bekas suamiku yang berbangsa Indonesia. Beliau menawarkan diri berkahwin denganku katanya kasihan dengan diriku. Aku mudah percaya dengan kata-kata lelaki hidung belang seperti beliau. Ketika itu seluruh keluarganya menentang kehendak beliau. Tetapi Sarbini tetap ingin menikahiku. Akhirnya kami berkahwin secara sindiket juga. Kami membayar

RM600 di Pontian untuk bernikah. Namun hingga kini tiada sijil pernikahan. Itu menjadi dilema bagi diriku. Aku mempunyai tiga orang cahaya mata dengan Sarbini namun seorang pun tiada sijil kelahiran. Anakku, Nur Imani sembilan tahun sering bertanya kepadaku kenapa beliau tidak bersekolah seperti abangnya. Aku kelu. Tidak ada jawapan yang dapat kuberi. Apalah yang anak sekecil ini faham tentang masalahku. Suamiku, Sarbini langsung tidak membantu malahan tidak bekerja. Beliau mengharap kepada elaun kebajikan diriku sahaja.

“Aaaarh”..apa harus aku lakukan demi masa depan anak-anakku ini. Emosiku semakin tidak stabil. Semakin hari aku memikirkan perihal ini aku rasa penyakit lamaku ini akan memburukkan keadaan lagi. Ya aku pesakit skizofrenia. Ia menghantui diriku selama ini. Esok aku harus berjumpa pegawai Kerja Sosial untuk mengadu perihalku ini. Adakah masih ada sinar di hujung gelap bagi diriku?



## CADANGAN INTERVENSI

Klien telah dirujuk oleh Unit Psikiatri Komuniti (CPU) di sebuah hospital kerajaan. Merujuk kepada sejarah kes, klien merupakan pesakit skizofrenia yang pernah ditempatkan di Hospital Permai. Permasalahan yang dihadapi klien dapat dinilai berdasarkan pendekatan bio-psikososial yang merangkumi aspek biologi, psikologi dan sosial. Dari sudut biologi klien, perkembangan kelahiran klien adalah normal di mana keadaan fizikal dan mental klien berkembang seperti kanak-kanak normal yang lain. Klien juga tidak mempunyai sejarah keturunan yang mempunyai penyakit mental.

Selepas daripada kejadian tersebut, klien telah mengalami trauma dan emosinya sering terganggu. Klien menyatakan kejadian rogal tersebut tidak sepatutnya terjadi kepada dirinya. Pengalaman silam itu juga mengakibatkan hubungan klien bersama-sama ahli keluarganya

bertambah renggang, dan klien sering menyalahkan ibunya serta memberontak.

Ketidakfungsian dan kegoyahan dalam institusi kekeluargaan menambahkan lagi tekanan perasaan yang dihadapi klien. Klien dibesarkan dengan suasana dan persekitaran keluarga yang kucar-kacir. Ibu bapa klien telah bercerai dan hubungan antara adik beradik menjadi semakin renggang. Tekanan klien bertambah apabila ibu bersikap dingin serta tidak mengambil berat akan dirinya. Ibunya dikatakan lebih banyak mencurahkan kasih sayangnya kepada abang dan adiknya serta anak-anak tirinya yang lain. Kegagalan dalam perkahwinan pertama dan kedua serta perkahwinan bersama suami barunya yang dikatakan bermasalah menambahkan lagi tekanan hidupnya.

Tekanan sosial adalah elemen penting untuk pembentukan personaliti. Zaman kanak-kanak didominasi oleh keperluan keselamatan di mana kanak-kanak memerlukan penjagaan dan kebebasan dari ketakutan. Pengalaman ini akan membantu kanak-kanak tersebut membentuk personaliti. Kekurangan sokongan kepada kanak-kanak akan mengarahkan kanak-kanak tersebut ke arah tingkah laku neurotik ataupun gangguan emosi.

Dalam kes klien, tekanan sosial yang diterima telah membuatkan klien mengalami tekanan perasaan sehingga klien mengalami gangguan mental. Personaliti klien mula berubah setelah dirogol, berdendam dan bertingkah laku negatif selepas kejadian tersebut. Di samping itu, klien juga merasa tidak pernah mendapat kasih sayang daripada ibu bapanya.

Dengan menggunakan kaedah penyelesaian masalah, Pekerja Sosial meneliti satu demi satu masalah klien yang telah dikenalpasti dan

disusun mengikut keutamaan. Dalam kes ini, perkara utama yang harus dilakukan untuk membantu klien dan keluarga ini ialah dengan membantu mendaftarkan kelahiran ketiga-tiga orang anaknya. Hal ini sangat mustahak kerana tanpa adanya sijil kelahiran mereka yang sah, segala urusan yang berkaitan anak-anak mereka akan mengalami kesulitan. Untuk itu, Pekerja Sosial telah menjalankan kerjasama dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negeri (JPN) bagi mengetahui prosedur-prosedur untuk mendaftarkan sijil kelahiran lewat ketiga-tiga orang anaknya itu.

Perkara lain yang perlu diambil perhatian ialah membantu mendaftarkan persekolahan bagi kanak-kanak ini. Tindakan ini harus dilakukan supaya anak-anak klien tidak tercicir dalam persekolahannya. Anak klien yang berusia lapan tahun sepatutnya sudah berada di darjah dua manakala anak klien yang berusia enam tahun sudah boleh mendaftar untuk sesi persekolahan pada tahun hadapan. Untuk tujuan ini, perbincangan bersama pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) serta Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) diadakan untuk mengetahui peluang yang ada serta proses dan prosedur permohonan pendaftaran lewat.

Pekerja Sosial juga membantu klien dengan merujuk status perkahwinannya bersama suami ketiganya. Jika perkahwinan itu dikatakan tidak sah di sisi undang-undang, sebagai Pekerja Sosial adalah perlu untuk membantu menghubungkan klien untuk mendapatkan nasihat daripada Jabatan Agama Islam Negeri tentang apa yang harus dilakukan klien dan suaminya bagi mengatasi masalah tersebut.

Selain daripada itu, sebagai Pekerja Sosial cuba mempertingkatkan kemahiran dan membantu klien meningkatkan taraf hidup dengan mendaftarkan kad OKU. Klien layak untuk didaftarkan sebagai OKU

kerana telah mengalami gangguan mental selama dua tahun dan masih mendapatkan rawatan di Hospital Permai. Terdapat pelbagai faedah yang akan diperoleh jika klien didaftarkan sebagai OKU, contohnya klien akan dikecualikan daripada bayaran jika klien mendapatkan rawatan di klinik ataupun hospital kerajaan.

Bagi kes yang melibatkan pesakit skizopernia juga, ia memerlukan penglibatan semua pihak bagi mengembalikan kefungsian klien kembali. Unit Psikitri Komuniti (CPU) merupakan unit yang memantau perkembangan pesakit-pesakit seperti ini di luar. Pekerja Sosial akan melaporkan masalah pesakit kepada unit ini dan apa tindakan yang perlu dilakukan bersama. Dalam kes ini Unit CPU akan memantau perkembangan kesihatan klien, Pekerja Sosial akan memulihkan kefungsian sosial klien termasuk menghubungkan klien dengan ahli keluarganya yang lain manakala kaunselor pula akan membuat intervensi dari segi emosi klien.

Selain itu, klien juga diperkasakan dengan memberikan kemahiran berkaitan kaedah penyelesaian masalah serta strategi daya tindak yang adaptif. Ini sesuai dengan klien yang sering berasa bimbang dan tidak boleh berada dalam tekanan yang tinggi. Pekerja Sosial turut membantu klien untuk meningkatkan kecekapan membuat keputusan dalam kehidupan.

#### TIPS UNTUK PESAKIT SKIZOFRENIA

1. Perlu lawan sikap tidak sukaan orang lain. Musuh anda adalah penyakit sikzofrenia, bukan rakan anda.
2. Beritahu keluarga/rakan yang dipercaya jika anda mendengar suara orang lain yang menyebabkan anda murung.
3. Kurangkan tekanan dalam kehidupan anda.
4. Beritahu doktor jika ingin memakan apa sahaja ubatan selain yang diberi
5. Pastikan mendapat tidur yang mencukupi.

6. Jadikan kesihatan nombor satu dalam hidup anda.



## Kisah 9. TABAHKANLAH HATIKU

Oleh: Sallehuddin A. Kadir Wahab



Tangisan Ju pun pecah, dia tidak mampu menahan kesedihan setelah suami yang dicintai kembali pada-Nya. "Ya Allah, kenapa kau beri dugaan yang berat ini pada hamba-Mu," ucap Ju dalam sendu. "Bagaimana aku dapat membesarkan kedua anakku," Ju terus saja meratapi kejadian yang telah menimpa diri dan keluarganya.

Baru sahaja tahun lalu beliau telah kehilangan kedua orang tuanya, tahun ini pula kehilangan suami. Sangat berat baginya, dia sendiri tidak tahu bagaimana dapat membesarkan dua orang anaknya iaitu Anis dan Firash.

Selama ini dia hanya bergantung pada suaminya, hanya mengurus anak-anaknya di rumah sahaja dan tiada sumber pendapatan yang lain bagi menambah pendapatan keluarga. Namun takdir Ilahi menitipkan kedua buah hati untuk dibesarkannya sendiri tanpa suami.

Kedua orang anaknya masih lagi bersekolah, Anis akan ke sekolah menengah manakala Firash masih sekolah rendah. Ju memerlukan banyak wang untuk membiayai keperluan mereka di sekolah. Tetapi, apabila mengingat pesan arwah suaminya, Ju bertekad tidak akan pernah menyerah untuk membesarkan mereka.

Selama beberapa bulan terakhir ini Ju hanya bergantung pada sisa wang yang dimiliki. Keadaan semakin sulit di mana banyak wang simpanan beliau sudah mulai kehabisan.

"Mama, bagaimana kalau Anis berhenti saja, tidak payah pergi sekolah..." ucap Anis malam itu.

"Berhenti sekolah? Tidak, Anis...papa pasti akan sangat kecewa kalau Anis tidak sekolah," jawab Ju.

“Tapi bagaimana Mama, kita kan tidak cukup duit dan hidup susah?” ucapnya lagi.

“Mama akan jual barang kemas pemberian papamu, untuk buat belanja sekolah Anis dan Firash, bakinya kita buat belanja ya,” balas Ju cuba meredakan.

“Mama, bagaimana kalau Mama buat kuih saja, nanti Anis yang jual di sekolah dan warung-warung dekat sini?” cadang Anis. Kalau masih ada lebih duit nanti kita bela ayam atau itik saja, kalau ayam atau itik dah banyak nanti, kita boleh jual.” ujar Anis memberi cadangan pada ibunya.

Kerana tidak ada pilihan lain, tidak ada kemampuan dan modal yang sangat sedikit akhirnya dengan hati yang sayu Ju pun menuruti saranan anaknya.

“Nak, besok Mama akan buat dan jual kuih, Anis dan Firash bantu ibu ya sayang, jangan nakal tau...”, ucap Ju pada kedua anaknya. “Baik Mama”, jawab kedua anaknya. Anis menuruti permintaan ibunya, dia sedar dia sekarang menjadi pengganti ayahnya yang telah tiada. Tanpa mengeluh ia berusaha keras untuk membantu ibunya mencari wang.

Setiap hari Ju membuat kuih dan menjualnya sendiri di hadapan rumah dan mengambil pesanan untuk dihantar ke warung berhampiran tempat tinggalnya.

Keringat meluncur deras membasahi bajunya, sesekali Ju mengusap peluh yang mengalir melalui matanya yang sayu. Dengan langkah yang hampir longlai, menjelang petang, dia baru pulang, “aku harus kuat, aku tidak boleh menyerah demi mereka”, dengan menahan beban tubuhnya yang seolah semakin berat namun terus melangkah.

Terbayang wajah anak-anaknya di rumah yang gembira menunggunya pulang.

“Mama baru balik ya?” tanya Anis kasihan melihat ibunya yang kelihatan sangat letih.

“Niaga sayang, hari ini banyak yang tidak laku dan terpaksa menjualnya ke tempat yang lebih jauh, nanti membazir pula,” jawab Ju ringkas.

Peristiwa itu buat Ju berfikir, “padahal itulah harapan terbesarku demi untuk membesarkan anak-anakku, ya Allah bagaimana ini”, teriaknya dalam hati.

“Tak apalah mama, mudah-mudahan esok mungkin rezeki kita”, ucap Anis.

Nampak amat berat beban yang Ju tanggung, bahkan mungkin itu adalah batas kemampuannya dalam bertahan dari meneruskan hidup ini.

Berkali-kali ia memohon berdoa agar mendapat petunjuk, bimbingan dan lindungan dari Maha Esa untuk dikurniakan rezeki dan permohonan bantuan dari mana-mana pihak yang berwajib bagi meringankan masalah yang dialaminya. “Aku dah berjanji tidak akan menyerah kalah dan aku tidak akan menyerah sampai ajal menjemputku”, doa Ju.

Digambarkan betapa kuat tekad dan keyakinan Ju demi anak-anaknya. Tidak mudah untuk diucapkan dengan kata-kata.



## CADANGAN INTERVENSI



Pada peringkat membina hubungan, Pekerja Sosial memastikan rappo yang baik diperolehi agar klien merasa lebih selesa untuk meluahkan perasaan dan masalah yang dihadapinya. Pekerja Sosial juga perlu mengenali klien dan sistem sosialnya dengan lebih terperinci. Ini dapat

membantu Pekerja Sosial mengenalpasti keluarga luas klien serta sokongan sosial yang mungkin boleh diperolehi Ju daripada ahli keluarga sendiri. Sebagai contoh, mungkin perniagaan Ju boleh diperluaskan jika ada bantuan pemasaran daripada adik beradik Ju dan saudara mara lain.

Dalam meninjau situasi bermasalah, klien meneroka fungsi kognitif, fizikal, emosi dan sosial melalui penilaian intrapersonal dan interpersonal klien. Dapat dikatakan bahawa Ju seorang yang cekal dan sentiasa mempunyai daya tindak yang adaptif dan berfokus kognitif. Ini menjadikan Ju kelihatan kuat di mata anak-anaknya walaupun hati Ju sentiasa dalam kebimbangan tentang masa depan yang tidak pasti.

Pekerja Sosial telah memilih Model Berpusatkan Tugasan untuk bekerja bersama klien. Beberapa matlamat bersesuaian telah dirancang bersama dengan Ju untuk membantu Ju menguruskan hal ehwal kewangan termasuk pengurusan harta pusaka tinggalan suami dan membuat strategi perniagaan jualan kuihnya. Objektif untuk meneroka peluang-peluang pekerjaan lain yang mampu meningkatkan pendapatan juga ditetapkan oleh Ju dan dimasukkan dalam jadual rancangan berfokuskan tugas. Pekerja Sosial memantau perkembangan Ju dan sentiasa memberi dorongan positif untuk mengekalkan motivasi Ju. Pekerja Sosial juga sentiasa memberikan komunikasi secara terapeutik dalam memberikan sokongan moral kepada Ju seorang ibu tunggal dan anak gadisnya, Anis yang dilihat mempunyai semangat yang kuat dalam membantu ibunya.

Pekerja Sosial juga mencadangkan agar Ju membuat permohonan Bantuan kewangan (Bantuan Kanak-Kanak) dalam membantu menyara anak-anak dan Geran Pelancaran bagi membantu klien dalam meningkatkan ekonomi dan pendapatan keluarga melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pekerja Sosial turut merujuk BaitulMal bagi bantuan zakat, Jabatan Pertanian bagi pemasaran produk atau kursus-

kursus perniagaan, MARA bagi pinjaman modal dan kursus-kursus perniagaan, serta TEKUN bagi pinjaman modal dalam memajukan perniagaan serta meningkatkan sumber ekonomi klien.

Di samping itu, klien juga boleh dilibatkan dalam kumpulan sokong bantu bersama ibu tunggal yang lain untuk mengekalkan semangat diri serta sebagai alternatif untuk mendapat sokongan sosial dan emosi selain daripada ahli keluarga. Melalui perkongsian pengalaman dan perasaan bersama ibu tunggal yang lain, dijangka akan memberi banyak manfaat untuk klien terutama dalam berkongsi cara untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran sebagai ibu tunggal. Ini turut mampu membuka peluang kepada klien untuk terus berdaya maju bukan sahaja untuk perniagaannya, malah yang lebih penting adalah untuk kesejahteraan dirinya selaku ketua keluarga dan pembimbing anak-anaknya.



### TIPS MEMBANTU IBU TUNGGAL

1. Buka ruang dan peluang kepada golongan ibu tunggal untuk meringankan bebanan yang ditanggung.
2. Sentiasa mendekati ibu tunggal untuk memahami dengan lebih mendalam keperluan dan isu-isu yang dihadapi oleh mereka.
3. Berikan sokongan moral berbentuk bimbingan dan kata-kata semangat sebagai motivasi dan dorongan kepada mereka dalam meneruskan kehidupanan yang mencabar itu.
4. Berbuat baik kepada anak-anak ibu tunggal kerana mereka adalah anak yatim yang perlu dilindungi dan disayangi.



## Kisah 10. KURINDU DAKAPAN ABAH & MAMA

Oleh: Hasmida Shariff



Ketukkan pintu kelas oleh cikgu Maslina mengalihkan pandangan semua pelajar-pelajar Darjah 6 Mawar.

“Boleh saya berjumpa dengan pelajar bernama Nur Diana?” tanya guru Maslina kepada cikgu Azhar yang sedang mengajar subjek Matematik.

“Sebentar ya” jawab cikgu Azhar.

“Nur Diana....Nur Diana..dengar apa yang akan maklumkan harap awak bertenang..”

Cikgu Maslina mula memeluk Diana.

“Diana, saya menerima panggilan daripada pihak Pekerja Sosial Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, memaklumkan ibu kamu telah meninggal dunia pada jam 7 pagi .

“Bila? Ibu sakit apa?” tanya Diana dengan nada sayu.

“Tadi sebelum ke sekolah ibu sihat melambai-melambai di muka pintu..” balas Diana.

Airmata mula berjurai-jurai membasihi pipiku..Dunia seakan gelap seperti kiamat berlaku...Terasa baru semalam bapa meninggal walupun sudah lima tahun berlaku disebabkan penyakit jantung. Kini ibu pula..

Diana bersama gurunya cikgu Maslina bergegas ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Baru.

Setibanya di hospital dilihat Pak Ngah bersama Mak Ngah sedang menunggu di luar bilik pembedahan. Doktor keluar dari bilik pembedahan.

“Maaf....saya telah berusaha sebaik mungkin..ajal maut semua di tangan Allah” Puan Marina tidak dapat diselamatkan kerana kanser otak telah merebak ke seluruh tumor otak kanser pada tahap empat.” maklum doktor kepada keluarga.

Kedua kaki aku seakan terasa tidak berpijak di bumi... hidupku umpsama gelap gelita dan menjadi anak yatim piatu selain menumpang kasih Pak Ngah dan Mak Ngah.

Telah tiga bulan ibuku meninggal. Aku meneruskan hari-hari yang berbekalkan kata-kata semangat ibu dan abah supaya menjadi anak yang solehah, manusia yang berguna pada bangsa dan agama. Pelajaran harus diutamakan kerana dengan ilmu dapat meningkatkan jati diri hidup.

Hampir enam bulan juga aku tinggal diletakkan di bawah pengjagaan Pak Ngah dan Mak Ngah atas Perintah Mahkamah mengikut Akta Kanak-Kanak 2001. Permohonan Bantuan Anak Pelihara mendapat kelulusan pihak JKM, selain syarat asas, ekonomi penjaga turut dinilai kerana Pak Ngah bekerja sebagai pengawal keselamatan dan Mak Ngah bekerja operator kilang.

Sepanjang aku di bawah jagaan Pak Ngah dan Mak Ngah, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah meluluskan Bantuan Anak Pelihara sebanyak RM250.00 sebulan sehingga aku berusia 18 tahun. Selain itu mereka juga tidak mempunyai anak, maka kehadiranku dalam keluarga mereka disambut baik.

Aku melalui hari-hari biasa dengan penuh kekuatan dan semangat. Aku beruntung masih mempunyai kawan baik yang bernama Alwani yang sering menjadi tempat untuk diluahkan segala masalah.

Doa selepas solat selalu aku titipkan buatkan mama dan abah dan aku mahu tunai hajat kedua mama dan abah supaya menjadi manusia berguna.

Semasa pulang dari sekolah, aku melihat Pak Ngah sedang tidur di ruang tamu. Mak Ngah bekerja *shift* petang dan malam baru pulang. Makanan telah dihidangkan di atas meja sebelum Mak Ngah ke tempat kerja. Sepanjang tinggal di situ, aku turut membantu melakukan kerja-kerja rumah. Mak Ngah seorang yang baik hati tetapi Pak Ngah seorang yang panas baran.

Prang.... gelas jatuh ke lantai dan pecah berderai. Bunyi itu mengejutkan Pak Ngah daripada tidur.

“Apa lagi tu.. kau ni asyik bawa masalah saja, hidup kalau tidak susahkan orang tidak sah!” marah Pak Ngah kepadaku.

Sambil tangan Pak Ngah mencapai rotan buluh di tepi peti sejuk.

Zaaappss.. bunyi rotan apabila dihayunkan. "sakit!" jerit aku.

“Tolong Pak Ngah... Diana janji tak buat lagi.” rayu aku kepada Pak Ngah.

Rayuan aku tidak di hiraukan olehnya. Malah rotan tersebut singgah ke tubuh. Berkali-kali Pak Ngah merotan di lenganku dan punggung.

Kesan rotan tersebut menyebabkan kedua belah lengan berbirat dengan bekas rotan.

Dalam keadaan menangis yang teresak-esak aku mengambil ubat untuk disapukan ke lengan, Pak Ngah masuk ke bilikku.

“Engkau jangan mengadu pada sesiapa, kalau tak makin teruk aku kerjakan” ugut Pak Ngah kepadaku.

Aku menganguk tanda faham.

Keesokkan harinya aku ke sekolah seperti biasa.

“Engkau kenapa, aku tengok tak ceria seperti hari-hari biasa” tegur Alwani.

“Tak ada apa-apa....aku cuma penat” balas aku dengan suara yang lemah.

“Engkau tipu aku... kenapa lengan kau berbekas? mulut kau lebam? Engkau kena pukul kan? Betul kan?”

Alwani menyelak pergelangan baju sekolahku.

“Jom aku bawak kau jumpa cikgu Maslina.”

“Aku tak nak nanti Pak Ngah aku marah.”

Alwani terus menarik tangan aku ke bilik guru. “Cikgu!...saya nak mengadu..Diana kena pukul dengan Pak Ngahnya” sambil Alwani menunjuk kesan rotan tersebut kepada Cikgu Maslina.

“Ya Allah! Kenapa sampai jadi macam ni?” tegur Cikgu Maslina.

“Teruk sangat ni....saya tak boleh biarkan...Apa lagi yang Pak Ngah awak telah lakukan sepanjang tinggal dengannya?” tanya cikgu kepadaku.

“Sebentar...tunggu saya di bilik cikgu kaunseling..”arah cikgu kepada kami.

“Saya bersama kaunselor akan membuat laporan polis dan merujuk kes awak ni...Awak jangan risau...awak selamat..saya akan bantu... Lepas ni saya akan bawa awak ke hospital dulu” pujuk cikgu Maslina sambil memelukku.

Berjurai air mata mengalir ke pipiku. Di saat itu, aku teringat kedua ibu bapaku. Alangkah bahagia sekiranya mereka masih ada.

Selepas membuat laporan polis, kes Diana dirujuk kepada pegawai Pelindung Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

Hasil siasatan oleh pegawai pelindung ke atas cikgu, Mak Ngah Diana, rakan Diana serta laporan doktor pediatrik, mendapati Diana telah mengalami penderaan dari segi fizikal dan penderaan seksual.

Diana juga telah dicabul oleh Pak Ngahnya semasa ketiadaan Mak Ngahnya di rumah. Diana membuka cerita bahawa Pak Ngah pernah mengintip semasa Diana mandi dan menukar baju di bilik. Ketika melakukan kerja rumah Pak Ngahnya pernah banyak kali meraba punggung.

Melalui kes ini, penjaga iaitu Pak Ngah telah disabitkan pertuduhan Kesalahan Penderaan Fizikal dan Penderaan Seksual di bawah Seksyen 31 dibawah Akta Kanak-Kanak 2001.

Diana diletakkan di bawah kes penderaan dan pencabulan di bawah Seksyen 30. Mahkamah memerintahkan Diana ditempatkan di bawah tempat selamat iaitu di Rumah Kanak-Kanak.



### CADANGAN INTERVENSI

Pendekatan intervensi krasis adalah sangat penting dalam membantu Diana berdaya tindak dengan tekanan psikologi dan trauma yang sedang dialaminya. Interaksi bersifat terapeutik dapat membantu Diana melakukan luahan perasaan serta dapat mengurangkan ketakutan dan kebimbangan dalam dirinya.

Walau bagaimanapun ada kemungkinan keluarga ini mempunyai perasaan tidak berdaya dan mungkin berlakunya penafian dengan aduan penderaan terhadap Pak Ngah. Pekerja Sosial perlu faham bahawa ada kalanya keluarga melihat aduan penderaan atau pengabaian sebagai ancaman kepada integriti keluarga dan

keselamatan interpersonal terutama jika ia dilakukan oleh ahli dalam keluarga sendiri. Maka, situasi ini memerlukan pekerja krisis yang terlatih semasa fasa ini untuk mengendalikan pelbagai jenis tekanan yang dihadapi oleh Diana mahupun ahli keluarga Pak Ngah.

Bagi kes Diana pula, perkara utama yang harus dilakukan adalah memastikan keselamatan Diana terlebih dahulu. Diana dibawa ke hospital dan balai polis oleh pihak sekolah bagi mengesahkan dan melaporkan kes penderaan fizikal dan seksual. Pekerja Sosial juga telah membuat lawatan ke rumah dan menemubual pihak keluarga bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas berkaitan isu penderaan ini. Pekerja Sosial bertindak untuk menempatkan mangsa dera di institusi perlindungan iaitu Rumah Kanak-Kanak setelah mendapati tidak ada lagi tempat selamat atau ‘orang yang layak’ yang sesuai bagi melindungi Diana daripada terus menjadi mangsa dera bapa saudaranya. Maka, Pekerja Sosial bertindak untuk mendapatkan perintah mahkamah bagi menempatkan klien di Rumah Kanak-Kanak melalui Akta Kanak-Kanak 2001.

Pekerja Sosial juga bertindak membantu pihak keluarga ibu saudara klien menerima keputusan mahkamah. Bagi mengelakkan sebarang pertikaian terhadap hukuman yang dijatuhkan ke atas bapa saudara klien, maka pekerja kes bertindak sebagai pendamai supaya keluarga ibu saudara klien dapat menerima keputusan mahkamah. Dengan galakkan dan penjelasan yang diberikan, maka keputusan mahkamah untuk menempatkan Diana di Rumah Kanak-kanak adalah atas persetujuan ibu saudaranya.

Pelan perancangan pemulihan yang bersesuaian seperti sesi kaunseling juga dicadangkan dilakukan di Rumah Kanak-Kanak secara berkala agar dapat membantu mengurangkan trauma yang sedang dihadapi oleh Diana. Melalui perbincangan dengan kaunselor, adalah dicadangkan kaunseling kelompok dijalankan sebagai pendekatan bagi

mengurangkan trauma klien. Perkongsian pengalaman yang sama antara mangsa penderaan akan mewujudkan satu bentuk persamaan dan penerimaan. Persekutaran kelompok akan membantu membina semula konsep kendiri dan keyakinan mangsa penderaan.

Selain itu, terapi penulisan jurnal juga merupakan cara bagi mangsa mencari kelegaan daripada gejala penderaan emosi. Memandangkan Diana adalah seorang remaja perempuan, Pekerja Sosial mencadangkan intervensi dengan menggunakan cara penulisan bagi meluahkan perasaan dan membina kekuatan diri dari sehari ke sehari. Cara intervensi ini boleh memberikan kesan positif ke atas kesihatan mental dan fizikal klien. Ia amat bermakna bagi mengurangkan dan menghilangkan perasaan didera oleh mangsa dera.



## TIPS KEJIRANAN PRIHATIN

1. Masyarakat perlu prihatin dengan jiran sekiranya mendapati keadaan kecederaan fizikal atau gangguan emosi kepada kanak-kanak.
2. Masyarakat tidak perlu bimbang atau rasa terancam untuk melaporkan kes penderaan kanak-kanak kepada pihak berkuasa kerana segala maklumat pemaklum dirahsiakan.
3. Hubungi Talian Kasih 15999.
4. Menghubungi Balai Polis berhampiran atau aduan terus kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat terdekat.



## Kisah 11. SUNYI... AYAH, AKU SENTIASA BERHARAP

Oleh: Amirul Fariz Mohd Mahmud



Sejak detik hitam itu, saban hari kolam sepi menyelubungi wajahku, tangisan sunyi mendiami diri. Aku lakukan pelbagai cara, menjadikan diri halimunan namun tidak dapat menghalau rasa sunyi yang memekat dalam aliran bara yang bernama dendam. Ditambah rasa geram melihat adik lelaki kembarku menangis menagih simpati kasih seorang insan yang bernama ayah.

“Ayah tak akan tinggal bersama ibu lagi Safwan, pandailah kau jaga diri dan adik kembarmu”, kata ayah sebelum melangkah keluar tanpa rasa bersalah.

Sejak itu aku memekakkan diri tanpa hati dan perasaan hingga memberi kesan buruk kepada diriku. Hidupku bertambah celaru apabila menerima perkhabaran bahawa ayah berkahwin baru. Cuma adik kembarku sahaja menjadi sahabat luahan rasa dendam, pedih, memendam rasa.

Ibu..., aku menyanjungimu. Dia ialah ibuku, yang aku kenali bukan sahaja nada atau laras bunyi suaranya, tetapi tersirat dalam kata-kata menunjukkan kuat getirnya menghadap badai kemiskinan serta hampa seorang wanita bergelar janda. Jika masa terluang akulah yang membantu ibu menyiapkan kuih jualan untuk dihantar ke kedai makan. Hasil jualan kuih itulah yang menjadi sumber pendapatan kami sekeluarga. Penderitaan kami pernah dipaparkan di dada akhbar, menyebabkan ayah berang dan bersetuju untuk memberi nafkah bagi tujuan perbelanjaan aku dan adik kembarku, yang selama ini diabaikan.

Ejekan serta momokan sumbang memperlekehkan ibuku oleh saudara sebelah ayah menambahkan rasa benci dalam diriku. “Sabarlah wahai hati” Safwan memujuk hatinya yang lara.

Peristiwa itulah yang mengubah tingkah laku aku menjadi semakin pendiam. Aku juga tidak mempedulikan rakan-rakan sekolahku, sehingga aku digelar ‘kera sumbang’. Aku tidak mempedulikan kata-kata sinis dan aku lebih senang dengan perlakuan dengan duniaku sendiri. Aktiviti kokurikulum tidak lagi aku endahkan dan aku sentiasa mengelakkan diri daripada menyertai semua aktiviti sekolah. Hanya Cikgu Rahim sahaja yang memahami keadaanku setelah beliau berjumpa dengan ibu kerana masalah pelajaranku yang semakin merosot. Cikgu Rahim banyak menasihati diriku, namun beliau tidak memahami masalah yang aku alami. Aku yakin jika ayah mengambil peduli akan diriku, pasti semuanya akan berubah.

Aku tidak mahu terus ketinggalan dalam pelajaranku, namun aku keliru dan tidak tahu di mana titik mula untuk membaiki pelajaranku. Mampukah aku. Masih segar lagi ingatanku setelah melihat ibuku menangis hampa sambil berkata, “Safwan sampai hati buat ibu macam ni.. tak cukup lagi kah penderitaan yang harus ibu tempuh, kenapa kau gagal? Gagal Matrikulasi! Macam mana Safwan hendak membantu ibu dan jadi contoh tauladan yang baik kepada adik-adik??”

Setelah itu aku dipaksa juga oleh ibuku untuk mengambil tingkatan enam, tapi ia tidak menyelesaikan sebarang masalah yang aku hadapi iaitu menagih kasih insan yang bernama ayah. “Safwan bermasalah ibu!” monolog aku sendirian.

Aku hampa kerana ayah tiada di sisiku. Di mana untukku luahkan kata-kata? Di mana tempatku bermanja? Ayah..., jika kau dengar kata hatiku pasti kau akan tahu betapa aku masih memerlukanmu.

Ayah... aku sentiasa berharap, sehingga hari ini..





## CADANGAN INTERVENSI

Setelah membentuk hubungan kepercayaan dengan klien iaitu Safwan, maka Pekerja Sosial mula membuat penilaian situasi kepada klien dan keluarga untuk menentukan permasalahan sebenar yang dihadapi oleh Safwan. Pekerja Sosial perlu mengenal pasti masalah utama yang dihadapi oleh remaja tersebut sebelum melakukan intervensi yang bersesuaian.

Klien merupakan seorang remaja yang berumur 19 tahun. Klien masih bersekolah di tingkatan enam setelah gagal di matrikulasi. Klien mempunyai dua orang adik kembar yang kini masing-masing berumur 14 tahun. Salah seorang adik kembar klien merupakan seorang orang kurang upaya masalah pembelajaran yang menyebabkan ibu klien terpaksa berhenti kerja demi menjaga adiknya. Bagi menampung perbelanjaan keluarga, ibu dan klien terpaksa membuat kuih untuk dijual di gerai berhampiran. Hubungan klien dengan ibu serta dua adiknya adalah baik, begitu juga keluarga sebelah ibunya. Tetapi klien mempunyai masalah hubungan dengan bapa serta keluarga sebelah bapanya setelah bercerai dengan ibu. Ekoran peristiwa itu, klien menjadi seorang yang bermasalah dari segi sosial ditambah lagi kongkongan ibunya untuk bergaul dengan masyarakat setempat kerana terlalu khuatir dengan gejala sosial yang semakin berleluasa akan mempengaruhi klien. Namun, timbul kesan negatif apabila klien berubah menjadi pendiam dan lama kelamaan klien menjadi anti-sosial ekoran daripada masalah yang dipendam oleh klien. Ibu klien tidak menyedari perubahan klien pada peringkat awal sehingga ibunya dipanggil oleh guru sekolah klien yang menyatakan prestasi klien semakin merosot.

Dengan menganalisis dimensi interpersonal dan intrapersonal klien, keadaan klien dapat dikaitkan dengan keperluan yang tidak dapat dipenuhi iaitu dari segi kasih sayang. Selain itu, masalah yang berlaku juga boleh dikaitkan dengan strategi daya tindak klien yang maladaptif

hingga membuatkan klien sentiasa dalam kemurungan dan sering memikirkan tentang kekurangan kasih sayang.

Bagi mengenali klien dan sistem sosialnya teknik visual seperti peta eko dan *Personal Network Diagram* telah dilakarkan dengan meminta klien sendiri melakukannya dengan bimbingan Pekerja Sosial. Ternyata klien tidak mempunyai kawan rapat dan tidak bergaul dengan jiran setempat. Apabila Pekerja Sosial meminta klien melakarkan peta perjalanan kehidupan (Life Road Map), didapati klien banyak melihat peristiwa dalam hidupnya sebagai kekecewaan dan tidak menyeronokkan apalagi setelah ayah klien berkahwin lain. Pekerja Sosial juga mendapatkan bantuan ahli psikologi klinikal untuk membantu membuat pengujian tahap kemurungan, penghargaan diri klien serta melakukan intervensi yang bersesuaian. Perbincangan dilakukan jika ada keperluan menstruktur semula kognitif agar klien dapat menerima ketiadaan ayah di sisi, penekanan terhadap meningkatkan penghargaan diri serta membimbing klien untuk bersikap asertif dan resilien.

Model Berpusatkan Tugasan juga dilaksanakan kepada klien dengan merancang matlamat bersama dan membuat tugas kepada klien untuk lebih berfokus pada pelajaran. Klien juga digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti kurikulum sekolah, serta aktiviti yang melibatkan program komuniti yang dianjurkan oleh komuniti setempat seperti Program Belia 4B dan Program PERKASA.

Berkaitan dengan keluarga ini pula, setelah analisis dilakukan, didapati keluarga ini menghadapi masalah komunikasi. Mereka sangat jarang berkomunikasi mungkin disebabkan ibu yang sibuk dan bermiaga kuih muih serta menjaga seorang anak OKU. Oleh yang demikian, Terapi keluarga dilakukan oleh Pekerja Sosial di rumah klien bagi menggalakkan perubahan, kreativiti, fleksibiliti, dan meningkatkan komunikasi dalam keluarga. Daripada terapi ini juga, perkara yang

tersembunyi dan yang tidak diluahkan itu menjadi jelas dan nampak. Maka ibu dan klien serta adik beradik lain akan saling memahami kehendak dan keperluan masing-masing.

Selain itu, bantuan praktikal dengan membantu ibu klien untuk memohon geran pelancaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat juga dilakukan. Ini bagi membantu keluarga ini untuk meningkatkan taraf ekonomi keluarga. Pekerja Sosial turut memberi cadangan agar adik OKU klien dihantar ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) agar dapat menjalani sesi fisioterapi, meningkatkan kemahiran sosial adiknya serta secara tidak langsung akan menggalakkan ibu bergaul dengan komuniti setempat melalui PDK tersebut.



#### TIPS IBU BAPA YANG MEMPUNYAI ANAK MURUNG

1. Kenal pasti masalah anak anda dengan selalu mendekati mereka dan menggalakkan perkongsian perasaan.
2. Rancang aktiviti bersama bagi mengelakkan anak berterusan memikir masalahnya.
3. Bersikap ambil peduli akan masalah yang dihadapi oleh anak anda dan cuba maklumkan semula tindakan yang telah anda ambil untuk membantunya.
4. Jangan malu untuk merujuk masalah anak anda kepada pihak profesional bagi mendapatkan nasihat dan bimbingan.
5. Memberikan galakan serta sokongan moral kepada anak anda yang ingin berubah ke arah yang lebih positif.



## Kisah 12: DIALAH SYAITAN ITU

Oleh: Nor Afiza Mohd Fuzi



Azan subuh membuatku tersentak dari tidur lenaku. Terus aku bangkit dari katil untuk mandi dan untuk mempersiapkan diri bertemu dengan kekasih abadi, Allah Yang Maha Agung. Teringat kata-kata ibu Zaza semalam.

“Ana...jangan rasa diri tidak berguna disebabkan sejarah silam yang bukan kita inginkan. Jadikan semua ini untuk kita dekat kepada-Nya.” Tanpa dipaksa air mataku berguguran. Kepahitan yang aku rasai ini membuatkan hidupku jadi kelam. Gelora yang melanda dalam diri ini adalah dendamku pada orang yang pernah aku sayang.

Aku mengaturkan langkah-langkah tanpa bayangmu sekarang dan ternyata aku sangat tenang. Memori itu masih berlegar-legar dalam fikiranku kerana itu merupakan detik hitam dalam hidupku.

Aku dibesarkan dalam keluarga yang sederhana. Aku anak bongsu dari tiga orang beradik. Dua orang abangku berumur 16 tahun dan 19 tahun. Ibuku seorang penoreh getah yang sangat kuat bekerja. Manakala ayahku merupakan pengawal keselamatan di sekolah di kampungku.

Ayah memang sangat garang dengan ibu. Tangan ayah sentiasa hinggap di pipi ibu. Ada saja yang tidak kena di matanya. Air mata memang menjadi sahabat ibu. Namun kekuatan ibu tidak mampu kucontohi.

Ayah memang sayangkan aku. Sewaktu kecil, setiap kali pulang, ayah akan membelikanku mainan. Ayah sentiasa akan memelukku setiap kali pulang dari kerja. Aku rasa damai dan tenang. Dengan senang aku boleh melupakan apa yang ayah lakukan terhadap ibu. Mungkin ibu tidak dengar cakap ayah, fikirku waktu itu. Ayah pula sentiasa memburukkan ibu dan mempengaruhi fikiranku.

Aku sentiasa diantar sekolah oleh ayah. Kehidupanku memang banyak bergantung dengan ayah. Hubunganku dengan ibu sedikit dingin.

Sehinggalah aku meningkat remaja, ayah masih memanjakan aku. Kesian juga aku lihat abang-abangku yang selalu dimarahi. Ibu pula hanya menjadi tunggul di rumah itu.

Pada satu hari, di hari minggu, aku seperti biasa menghabiskan masa di rumah kerana semua orang tiada di rumah. Ibu dan ayah bekerja dan abang-abangku dari semalam lagi tidak pulang. Selesai mandi seperti biasa aku membuka tudung saji dan kulihat ada nasi goreng masakan ibu yang sangat sedap. Selesai makan aku terbaring di rumah dengan hanya memakai tshirt dan seluar pendek .

Vroom..Vroom.. bunyi motor di luar. Aku menjenguk tingkap dan kulihat ayah bergegas masuk ke rumah.

“Kenapa ayah? Ada barang tertinggalkah?” Ayah merenungku dengan pandangan yang luar biasa. “Ayah sakit?” Aku terus bertanya lagi.

Ayah terus menerkam dan menutup mulutku dengan membuat isyarat supaya diam.

“Ana sayang ayah tak? Aku hanya mengangguk ketakutan. Ayah cuba membuka bajuku membuatkan aku menjadi agresif. Mulut ayah yang berbau arak membuatkanku ingin termuntah.

Ayah makin merangkulku dengan kuat. Aku mula menangis.. “Ayah!! Jangan ayah..tolonglah ayah..”

“Tak apa Ana..ini tandanya kasih sayang ayah pada Ana..”

Rangkulay ayah tidak mampu aku tepis dan aku bertempik dan akhirnya ayah aku lihat bertukar menjadi syaitan.

Kebetulan ibuku pulang dan mendengar aku menangis dan melihat ayah dengan tanpa rasa bersalah keluar dari rumah sambil memberi amaran kepada ibu.

“Nahas kau, kalau kau cuba lapor kepada polis.”

Kulihat ibu dengan penuh kekuatan membawaku dengan motor ditemani abang ke hospital dan aku tidak sedar sehingga apabila mataku terbuka aku telah berada di hospital. Selama seminggu aku tidak mampu melelapkan mata kerana apabila mata terpejam muncul wajah syaitan itu.

“Ana..ibu harap Ana kuat dan ibu tahu Ana kuat. Maafkan ibu kerana gagal melindungi Ana. Rumah kita mungkin bukan syurga kita.”

Kulihat air mata ibu laju berguguran dan aku terus memeluk ibu seeratnya. Ayah telah ditangkap polis dan telah dimasukkan ke penjara kerana tuduhan merogol. Aku pula terdampar di rumah perlindungan ini untuk mengharapkan sinar dan mengembalikan kekuatanku dan untuk kembalikan senyumanku.

Rupanya syaitan itu adalah orang yang aku sayangi dalam hidupku.



## CADANGAN INTERVENSI

Membina rappo dengan klien seperti kes Ana bukan mudah bagi seorang Pekerja Sosial. Apabila berhadapan dengan kes trauma seperti Ana, membina kepercayaan merupakan cabaran kepada Pekerja Sosial. Ana telah dimasukkan ke hospital dengan kesan koyakkan yang sangat serius di kemaluannya dan dia mengalami kemurungan. Pada awal pertemuan Pekerja Sosial memulakan soalan tertutup. Apabila klien mula memberi respon barulah Pekerja Sosial memberikan soalan terbuka bagi mendapatkan lagi maklumat. Peringkat membina hubungan merupakan peringkat yang memerlukan tahap kemahiran,

pengetahuan dan nilai yang tinggi apalagi dalam kes krisis seperti ini. Apa yang penting Pekerja Sosial tidak berpura-pura dalam berkomunikasi dengan klien (*genuine*).

Apabila berhadapan dengan kes rogol traumatis seperti Ana, *penilaian situasi* oleh Pekerja Sosial tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa dalam mendapatkan maklumat. Pekerja Sosial harus memberi waktu pada Ana umpama ‘*cooling period*’ kerana setiap individu mempunyai darjah kawalan emosi yang berbeza. Di sinilah kebiasaannya Pekerja Sosial perlu berhati-hati, bukan hendak menyelesaikan kes dengan cepat yang boleh memberi impak intervensi kurang tepat. Model intervensi krisis dilihat bersesuaian dengan kes ini. Intervensi ini sesuai digunakan sewaktu Ana sedang mengalami trauma selepas kejadian iaitu dengan mengurangkan stress subjektif dengan meningkatkan kefungsian kognitif, emosi dan sosial klien.

Dalam kes ini, klien telah dirogol dan klien memberikan persepsi bahawa lelaki adalah jahat dan kepercayaan kepada orang yang disayanginya iaitu ayahnya telah hancur berkecaci setelah ayahnya sendiri yang telah menodai kesuciannya. Pekerja Sosial perlu lebih membantu klien untuk menggunakan strategi daya tidak yang lebih adaptif, memberi sokongan, menggunakan interaksi terapeutik berbanding terus membuat keputusan secara drastik untuk menempatkan kanak-kanak di mana. Adalah satu kesilapan yang besar dilakukan oleh Pekerja Sosial jika terlalu memikirkan keperluan fizikal berbanding menangani stress yang dihadapi, mengubah persepsi klien terhadap peristiwa dan menunjukkan cara bagaimana klien berdaya tindak menghadapi situasi ini. Dalam mengendalikan kes Ana, Pekerja Sosial lebih banyak menggunakan *validation and support statement*.

Dalam intervensi krisis, keselamatan klien adalah sangat perlu diutamakan. Oleh yang demikian, dengan menjelaskan kepada Ana situasi dan keselamatan Ana, maka Ana diletakkan di rumah

perlindungan untuk sementara dengan mendapatkan perintah mahkamah sementara menunggu siasatan polis ke atas ayahnya. Keputusan meletakkan kanak-kanak di rumah perlindungan iaitu Rumah Kanak-Kanak (RKK) agar dapat membantu Ana untuk mengurangkan trauma dan boleh menenangkan diri sementara ibu yang juga sedang dalam trauma dapat diberi ruang untuk betenang. Pekerja Sosial juga menggalakkan Ana dilawat oleh ibunya semasa berada di RKK. Namun, ibu masih belum mampu berdaya tindak dengan baik dan sangat terkejut dengan apa yang berlaku.

Pekerja Sosial juga berbincang dengan kaunselor untuk mengutamakan keperluan psikologi Ana dengan mengendalikan sesi kaunseling krisis. Sebagai Pekerja Sosial kecekapan untuk menilai tahap kognitif dan tahap kecekapan emosi klien adalah penting. Pekerja Sosial perlu turut prihatin terhadap apa sahaja idea yang tidak rasional klien seperti keinginan membunuh diri atau mencederakan orang lain. Pekerja Sosial boleh mendapatkan bantuan ahli psikologi untuk membuat pengukuran yang mengesahkan tahap psikologikal klien.

Dalam tempoh perintah sementara, Pekerja Sosial membuat siasatan terhadap persekitaran klien bagi melihat kesesuaian sama ada klien akan dipulangkan kepada keluarga, diletakkan di bawah jagaan orang yang layak ataupun untuk terus berada di rumah perlindungan. Semasa siasatan berlangsung Pekerja Sosial juga mendapatkan maklumat daripada keluarga iaitu ibu dan abang-abangnya. Pekerja Sosial cuba memahami kefungsian keluarga Ana dalam aspek struktur keluarga, komunikasi, gaya keibubapaan, fleksibiliti, dan perapatan. Hasil siasatan oleh Pekerja Sosial dan perbincangan dengan klien, Pekerja Sosial berpuas hati bahawa klien boleh dipulangkan kepada keluarga. Walau bagaimanpun, sebelum Ana pulang ke rumah, ibu serta adik beradik Ana diberikan terapi keluarga agar mereka bersedia untuk menerima Ana. Ibu juga dibantu untuk berdaya tindak dengan

lebih adaptif agar mampu menghadapi ujian dalam hidup sebagai ibu kepada anak-anak seorang banduan.



### **TIPS PENCEGAHAN SEKS KANAK-KANAK PEREMPUAN**

1. Kanak-kanak perlu mengetahui anggota badan mana yang tidak boleh disentuh oleh orang lain dan batasan dalam pergaulan dalam ahli keluarga termasuk pemilihan pakaian yang sesuai apabila berada bersama ahli keluarga lelaki.
2. Kanak-kanak digalakkan belajar seni mempertahankan diri.
3. Kanak-kanak perlu menceritakan segala kejadian yang meragukan kepada orang yang boleh dipercayai.
4. Kanak-kanak juga perlu diberi pendedahan aktiviti mencegah jenayah seperti Rakan Cop.
5. Kanak-kanak hendaklah juga didedahkan perkhidmatan Talian Nur dengan memahami fungsinya dan menghafal nombor 15999.



## *Kisah 13: AQIEF*

**Oleh: Nor Afzan Abd Hamid**



Pagi itu merupakan hari keramat yang tidak boleh dilupakan oleh keluarga Aqief. Dua orang Pekerja Sosial iaitu Nursalmi dan Maria telah hadir ke sekolah. Mereka hadir untuk bertemu dengan seorang guru iaitu Asiah yang juga merupakan ibu kepada klien Aqief.

“Puan, berdasarkan maklumat yang kami dapat, badan Aqief penuh dengan kesan- kesan lebam. Boleh jelaskan apa sebenarnya yang berlaku?” Tanya Pekerja Sosial itu kepada Asiah di dalam bilik Guru Besar. Guru Besar yang menawarkan biliknya untuk siasatan, sepatutnya tidak berada dalam sesi temubual itu, namun sejak dari tadi masih tidak berganjak dari duduk di kerusinya. Dia ingin sekali mengetahui apa yang sebenarnya berlaku walaupun sudah dinyatakan bahawa Pekerja Sosial hanya ingin bertemu dengan Puan Asiah sahaja.

Asiah tergamam dengan pertanyaan itu. Bibirnya seperti kering, tidak mampu mengeluarkan sebarang perkataan dan terus mengeleng kepala. “mungkin jatuh rasanya tu.. Aqief ni memang lasak, selalu main dengan kawan-kawan waktu petang. Dia pun selalu mengadu jatuh..mmm, mesti gaduh lagi lah ni dengan kawan” Spontan jawapan itu yang terkeluar daripada mulutnya.

“Jatuh? Puan tahu bila dia jatuh dan bahagian mana yang cedera?”  
Tanya Nur Salmi.

“Biasalah budak-budak.. lebam sana sini, lasak... saya dulu pun macam tu..” Ujar Asiah. Kali ini jawapan Asiah lebih bersahaja.

Nur Salmi masih belum berpuas hati dengan jawapan daripada Asiah. Masakan jatuh jika tangan Aqief lebam dan belakang badannya penuh berbirat. Nur Salmi memberi isyarat kepada Maria, lantas Maria

mengangguk-angguk. Tidak lama kemudian, Maria datang bersama seorang kanak-kanak lelaki yang agak sugul, Aqief. Aqief mengeraskan badan, seolah-olah tidak mahu masuk ke bilik tersebut.

“Puan, cuba puan buka baju anak puan ni. Puan tengok sendiri..” Nur Salmi bersuara dengan sedikit keras. Dia tahu dia bukan jenis yang suka berkeras, apalagi dengan seorang guru, tetapi dia terpaksa berbuat begitu untuk memastikan keesahan perkara sebenar. Maria memegang bahu Aqief dan membawa Aqief kepada Asiah. Asiah tidak membuka baju Aqief, dia hanya memandang Aqief. Aqief kelihatan takut dan selangkah menghampiri Maria. Akhirnya Maria membuka baju dan seluar Aqief, jelas kelihatan ada tanda birat dan lebam-lebam di belakang badan, di peha dan di betis Aqief. Tanda-tanda tersebut ada yang merupakan kesan baru dan ada pula yang kesan lama. Lalu Nur Salmi meminta kali kedua supaya Asiah memberitahu perkara sebenar. Asiah masih lagi tidak mahu memberi kerjasama untuk menceritakan perkara sebenar. Guru Besar yang sejak daripada tadi senyap dan hanya memerhati tiba-tiba bersuara “Asiah, ni bukan jatuh kalau macam ni.. teruk ni..macam kena pukul ni..kesian anak awak”.

Asiah kemudiannya bersuara “memang macam ni tuan. Dah selalu jatuh, kadang bergaduh dengan kawan-kawan, Aqief ni nakal, dah banyak kali cakap jangan gaduh dan main tak tentu hala”.

“Kalau macam ni, saya ingat kami akan bawa Aqief ke hospital untuk pemeriksan. Ini penting untuk mengetahui kejadian sebenar mungkin jatuh atau bergaduh dengan rakan atau mungkin juga ada berlaku penderaan”, kata Nur Salmi sambil membantu Maria memakaikan semula baju dan seluar Aqief.

Tiba-tiba Asiah meninggikan suara “apa ni?! Kenapa sampai nak bawa ke doktor pula? Saya kan maknya saya tahu lah apa nak buat. Tak ada apalah cik puan-puan semua. Mungkin puan tak ada anak, tak tahu

lasaknya anak. Tuan, tak ada apalah, apa nak besar-besarkan setakat jatuh dan gaduh dengan kawan, budak lelaki memang macam tu”.

“Puan, tak apa puan, jangan risau kami hanya bawa untuk pemeriksaan. Jika apa yang puan katakan benar, tiada apa yang puan perlu takutkan”, kata Maria sambil memegang lengan Aqief dan mula melangkah ke arah pintu. Asiah sedikit mengejar Maria dan cuba menghalangnya. Asiah menarik bahu baju Aqief dan cuba memegang Aqief. Aqief pula menangis-nangis, memeluk Asiah dan meraung “ibu...Aqief tak nak, Aqief tak nak..Aqief takut ayah Bob marah..”

“Dah lah... kan saya dah kata tak payah...!” kata Asiah dengan agak marah. “Puan, jika puan masih tidak memberi kerjasama, saya terpaksa hubungi polis kerana puan telah menghalang penjawat awam menjalankan tugas” Tegas Nur Salmi sambil merenung wajah Asiah. “Ya lah Asiah, kalau awak benar apa yang awak nak takutkan.. awak pun kena faham mereka hanya menjalankan tugas. Biarlah mereka buat pemeriksaan dulu” Guru Besar juga turut menasihati Asiah. Asiah menundukkan mata dan wajahnya bila Guru Besar bersuara. Seolah-olah satu arahan daripada seorang ketua. Asiah tidak mampu berkata lagi dan hanya memberi isyarat seperti mengiakan. Tanpa disedari, air mata Asiah menitis laju, lantas dia berulang kali mengesat air mata itu.

Dengan rasa sayu, Asiah melepaskan pelukan Aqief dan perlahan-lahan membawa Aqief kepada Maria. Suasana sangat sunyi hanya tangisan Aqief memecah kesunyian. “Puan, boleh berikan saya mykid Aqief?” tanya Nur Salmi. Dengan rasa berat di hati, Asiah mengelurkan mykid Aqief daripada dompetnya. Dapat dilihat tangan Asiah yang terketar-ketar sewaktu memberikan kad tersebut kepada Nur Salmi.

Biarlah, biarlah semua ini berlaku... mungkin ada hikmahnya.. bisik Asiah yang merintih dan menangis di dalam hati tanpa siapa pun tahu rahsia itu.





## CADANGAN INTERVENSI

Hasil penilaian situasi ke atas Aqief dan Adief (adik klien) mendapati bahawa mereka telah mengalami penderaan fizikal dan emosi. Tambahan pula Aqief dan Adief telah kehilangan bapa kandung dan ibu telah berkahwin baru dengan bapa tiri yang juga merupakan seorang guru. Aqief tidak suka kepada bapa tiri kerana selalu dimarahi oleh bapa tiri. Akibat selalu dimarahi, Aqief memberontak dengan tidak mendengar kata bapa tiri. Pekerja Sosial bersama ibu kandung telah ke rumah nenek dan datuk sebelah ibu untuk berbincang untuk meletakkan Aqief dan Adief di bawah ‘orang yang layak dan sesuai’ bagi menjaga mereka. Setelah berbincang, didapati kedua-dua nenek dan datuk sanggup menjaga Aqief dan Adief. Sebelum Aqief dan Adief diletakkan di bawah penjagaan sepenuhnya oleh datuk dan nenek, mereka perlu diletakkan untuk tempoh percubaan iaitu selama dua minggu bagi melihat kesesuaian dan keserasian Aqief dan Adief terhadap datuk dan nenek mereka.

Pekerja Sosial turut menerangkan kepada datuk dan nenek beberapa perkara penting terutama daripada segi kebijakan klien. Demi kesejahteraan dan keselamatan Aqief dan Adief akhirnya Pekerja Sosial telah mendapatkan perintah mahkamah di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Seksyen 30) untuk meletakkan mereka di bawah jagaan nenek kandung setelah lawatan ke rumah dibuat dan Pekerja Sosial berpuas hati dengan jagaan datuk neneknya.

Selain itu, beberapa rancangan digariskan melalui perbincangan bersama dengan datuk, nenek dan ibu klien. Antaranya ialah ibu Aqief merancang untuk menyekolahkan Aqief di sekolah yang berhampiran dengan rumah datuk dan neneknya. Hanya adik beradik tiri Aqief sahaja yang tinggal bersama dengan ibunya. Ibu Aqief juga bersetuju untuk melawat Aqief dan Adief pada setiap dua minggu dan mengirimkan wang perbelanjaan persekolahan dan penjagaan anaknya kepada datuk dan nenek setiap bulan.

Intervensi terhadap trauma akibat penderaan fizikal dan emosi kanak-kanak turut perlu dijalankan bagi membolehkan klien bebas daripada pengalaman penderaan yang menyakitkan. Rujukan kepada kaunselor dilakukan agar Aqief dan Adief mendapat kesan positif daripada kaunseling individu yang lebih berfokus kepada pembinaan semula konsep kendiri dan merawat trauma mereka. Kanak-kanak yang mengalami trauma akibat daripada penderaan, kebiasaannya enggan berkongsi maklumat tentang penderaan yang dialami mereka. Oleh itu, Pekerja Sosial mencadangkan terapi-terapi yang sesuai dilakukan oleh kaunselor seperti terapi seni, terapi pasir atau terapi bermain sebagai rawatan bagi Aqief dan adiknya.

Dalam kes ini, bapa kanak-kanak ini telah dibebaskan daripada disabitkan kesalahan mendera kanak-kanak. Terapi keluarga juga adalah satu lagi bentuk rawatan untuk penderaan kanak-kanak. Ahli terapi yang pakar dalam situasi penderaan tahu bagaimana untuk mengendalikan mangsa dan pelaku (pendera) supaya kedua-dua pihak memahami peranan, tanggungjawab dan hak masing-masing. Melalui terapi keluarga, pelaku akan mendapat kemahiran untuk menangani isu-isu yang menyebabkan mereka mendera dan mangsa boleh belajar cara-cara untuk mengelakkan diri daripada penderaan, di mana mereka dapat membina semula kekuatan diri daripada kesan penderaan yang berlaku. Bagi mengatasi simptom penderaan atau mencegah penderaan daripada berterusan berlaku, pelaku dan mangsa perlu belajar bagaimana untuk membangunkan kecerdasan emosi, had sempadan dan melakukan modifikasi tingkah laku mereka. Walau bagaimanpun, ibu Aqief tidak bersetuju untuk mengadakan apa-apa intervensi dengan bapa yang telah mendera Aqief. Dalam hal ini, Pekerja Sosial tidak melakukan paksaan melainkan jika mereka telah bersedia untuk melakukan perubahan terhadap keluarga.



## **TIPS MENANGANI ANAK YANG SUKAR MENERIMA AHLI KELUARGA BARU**

1. Beri penjelasan kepada anak anda tentang kehadiran ahli keluarga baru sebelum pertemuan dilakukan agar lebih bersedia.
2. Jangan marah anak anda jika reaksi pada awalnya adalah negatif, sebaliknya bantu agar mereka untuk berhadapan dengan situasi yang sukar ini.
3. Perlakukan anak anda dengan penuh kasih sayang sepertimana sebelum kehadiran ahli baru.
4. Berkommunikasi dengan baik dengan anak anda dan ajar mereka untuk meluahkan jika ada rasa tidak selesa atau tidak disantuni oleh ahli keluarga baru.
5. Lakukan siasatan untuk apa sahaja ketidakselesaan yang diutarakan oleh anak tanpa ada sikap prejedis kepada mana-mana pihak.



## Kisah 14: INSAF



Oleh: Pravin a/l Manogran @ Manoharan

Namaku Mohd Khairell. Aku tinggal bersama-sama ibu tiri yang bernama Siti Asiah di Templer Country Resort, Rawang. Aku dilahirkan dalam sebuah keluarga yang tidak begitu besar. Keluargaku terdiri dari dua adik-beradik kandung yang kesemuanya tinggal di Klang dan seorang abang tiri yang kini tinggal bersama-samaku. Abang dan kakak kandungku tidak pernah melawatku. Tetapi nasibku tidak begitu baik, ayah telah hilangkan diri dua tahun yang lalu dan meninggalkan aku di bawah jagaan ibu tiri. Aku tidak mengenali siapa ibu kandungku kerana sedari kecil aku telah dijaga oleh ibu tiri.

Aku tidak berminat untuk bersekolah. Dengan sebab itu, aku mula bekerja sambilan di sebuah kedai runcit di Bukit Idaman, Selayang. Bermula dari situ aku mula berubah sikap. Gajiku tidaklah besar tetapi boleh juga aku menghulurkan duit sekeping dua kepada ibu tiriku. Semenjak bekerja, aku mula bergaul dengan kawan-kawan yang berminat dengan aktiviti perlumbaan motorsikal haram. Aku bangga bila digelar sebagai Mat Rempit. Tetapi aku bijak menutupi aktiviti baharuku itu daripada pengetahuan ibu dan abang tiri. Aku sering memberikan alasan bekerja lebih masa sekiranya aku pulang lewat ke rumah. Justeru di mata mereka, aku adalah seorang anak dan adik yang baik dan patuh kepada orang tua.

Aku masih ingat tarikh keramat itu 29 Januari. Pada tarikh itu aku telah diajak oleh Yazid untuk berjalan-jalan ke Kuala Lumpur. "Khai, marilah kita pergi sama-sama ke KL. Naik motor ramai-ramai. Kira konvoi la. Lepas tu kita boleh *test power*. Orang KL dah bakar *line ni*" ajak Yazid bertalu-talu. Di Rawang ini, siapa yang tidak kenal dengan Yazid. Yazid, orang lama dan dihormati dalam dunia Mat Rempit. Dia dianggap sebagai *taiko* yang akan menjaga anak-anak buahnya. Ajakan

Yazid bukan sahaja telah lama aku nantikan, tetapi juga seolah-olah satu penghormatan kepadaku. Bangga hatiku bukan main lagi.

Aku memaklumkan perancanganku untuk ke Kuala Lumpur kepada ibu dan abang tiriku. "Mak, orang (saya) nak ke KL, dua hari lagi". "Pergi ke KL? Nak buat apa?" kata ibu tiriku pelik. "Orang (saya) nak jumpa kawan. Lagipun orang (saya) tak pernah sampai ke KL. Mak janganlah risau. Orang (saya) pergi sana dengan kawan tempat kerja. Boss pun ada sama", kataku cuba meyakinkan ibu tiriku. Bohong sunat fikirku. "Emm kalau Boss engkau pun ada sama, mak izinkan.

Gembira hatiku bukan kepalang. Kepalaku rancak memikir aksi yang akan aku lakukan – willy, superman etc. Mengikut perancangan Yazid, aku akan menggunakan motorsikalnya. Yazid kata 'Aku dah upgrade motor ni. Kau menang, duit kita bahagi sama rata". Tentu sahaja aku bersetuju. Sebab bukan murah nak ubah suai motor. Paling kurang berhabis juga empat lima ratus.

Setiap yang mahu berlumba dikenakan bayaran. Setiap seorang RM100. Aku berkira-kira malam itu paling kurang 50 orang mat rempit telah bersedia. Terbayang-bayang duit kemenanganku nanti. Ramai antara kawan-kawanku telah mengambil *boh* dulu. Mahu *kepala masuk air* kata mereka. Tetapi aku tidak berminat dengan *boh*. Aku hanya menantikan habuanku nanti.

Ketika rancak aktiviti persediaan perlumbaan dilakukan, tiba-tiba kami dikejutkan dengan suara memekik "Chaw! Chaw! Bond datang!" diikuti dengan bunyi siren kereta polis. Masing-masing kelam kabut melarikan diri. Aku cuba melarikan diri. Tetapi nasibku malang. Laluanku terhalang dengan kemunculan beberapa kereta polis. Kumpulan kami ditangkap pada malam itu. Setiap dari kami diminta menjalani ujian air-kencing. Alhamdullilah, aku bebas dadah. Tetapi satu lagi masalah muncul apabila anggota polis meminta lesen dan cukai jalan motorsikal yang aku gunakan. Aku katakan ianya

kepunyaan Yazid. Tetapi Yazid tidak mengaku dan menyatakan tidak tahu-menahu tentang motorsikal yang aku gunakan. Kurang ajar! Rupa-rupanya motorsikal yang aku gunakan adalah ‘barang panas’. Aku pun tidak pasti di mana Yazid dapatkan ‘barang panas’ ini. Puas aku disoal siasat oleh anggota polis.

Akhirnya aku didakwa di Mahkamah Majistret Trafik Kuala Lumpur dan aku mengaku bersalah atas kesalahan memandu secara merbahaya dan menggunakan motorsikal curi. Tetapi doa ibu dan abang tiriku telah diterima oleh Tuhan, Mahkamah menjatuhkan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat selama 200 jam dalam tempoh dua tahun. Aku telah selamat daripada dipenjarakan selama lima tahun. Tetapi sebagai syarat utama, lesen motorku digantung selama dua tahun sebagai hukuman kedua. Aku insaf dan pada masa akan datang, aku akan berhati-hati dalam berlalu-laluan.



## CADANGAN INTERVENSI

Semasa menjalankan penyeliaan Perintah Khidmat Masyarakat, Pekerja Sosial boleh membantu klien dengan meninjau kesesuaian aktiviti komuniti di kawasan berdekatan dan mencungkil kekuatan atau potensi yang dimiliki oleh klien. Pekerja sosial yang dipertanggungjawabkan untuk memantau klien perlu merancang dengan teliti intervensi bersesuaian agar perubahan dapat dilihat setelah tamat tempoh pengawasan dan berkekalan.

Antara intervensi yang sesuai dilakukan ialah menggunakan pendekatan Model Berpusatkan Tugasan. Pada peringkat awal, masalah dan keperluan akan dikenalpasti dengan tujuan untuk membangunkan matlamat sesuatu tugasan berdasarkan keperluan. Melalui perbincangan, penetapan matlamat serta senarai pelbagai tugas untuk dilakukan dirancang bersama. Tugasan tersebut juga turut melibatkan persetujuan keluarga sebagai orang yang signifikan

dengan klien dan perlulah bersetujuan dengan kemampuan klien serta mampu menjadi memberi motivasi untuk terus melakukan perubahan.

Selain daripada itu, Pekerja Sosial boleh merujuk kes ini kepada kaunselor. Sesi kaunseling adalah perlu dijalankan bagi meningkatkan pembuatan keputusan, meningkatkan motivasi untuk berubah dan lebih bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan keluarga. Kaunseling kerjaya juga sesuai dijalankan bagi membantu klien untuk bersedia menerima perubahan ke arah yang lebih baik. Klien turut dibantu dalam meningkatkan kemahiran membuat keputusan dan resiliensi diri.

Pekerja Sosial juga boleh membantu dengan mencungkil minat klien untuk meneruskan pelajaran terutama dalam aspek kemahiran. Pekerja Sosial boleh bertindak menghubungkan klien kepada agensi-agensi yang lain seperti Institut Kemahiran MARA dan lain-lain agensi berkaitan kerana klien mempunyai kemahiran membaiki paip dan juga mempunyai minat dalam mencucuk tanam.

### ***Istilah***

Test power : Ajakan untuk berlumba haram

Bakar line : Aktiviti lumba haram atau ajakan untuk lumba haram

Taiko : Gangster atau ketua

Boh : Marijuana

Chaw : Pergi

Bond : Polis

Barang panas : Barang curitau barang yang menjadi rebutan atau permintaan

(Sumber : Rokiah, Abdul Karim & Mustapha; 2010)

### **Tips remaja yang menjalani perintah khidmat masyarakat**

1. Remaja perlu faham bahawa perintah khidmat masyarakat adalah sebuah perintah yang wajib dan tidak boleh diingkari. Ia

bertujuan untuk memberi ruang bagi remaja menjalani pemulihan akhlak.

2. Maklumkan kepada Pekerja Sosial jika ada masalah personal atau keluarga yang dihadapi
3. Tidak melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang sepanjang tempoh perintah diberikan.
4. Lakukan refleksi diri dari masa ke masa dan cuba baiki diri untuk menjadi remaja yang lebih baik
5. Jangan menganggap perintah ini menyusahkan, sebaliknya anggaplah ia suatu pengalaman bernilai



## Kisah 15. APA SALAHKU?



Oleh: Mohd Syauqee Mohd Fawzi

Namaku Aqil. Aku masih bersekolah di Tingkatan 3 di sebuah sekolah berhampiran kawasan rumahku. Aku akui, aku bukanlah anak yang baik, yang boleh dibanggakan oleh ibubapaku. Pencapaianku dalam pelajaran tidak seberapa. Selalunya, ibubapaku dipanggil ke sekolah kerana masalah disiplin aku di sekolah.

Ibu dan ayahku juga sering tiada di rumah. Ibu bekerja sebagai jururawat dan ayah pula seorang pemandu lori. Dalam seminggu hanya beberapa hari sahaja aku dapat berjumpa mereka. Sebagai anak tunggal, aku rasa kesunyian sekali di rumah. Justeru aku lebih rapat dengan kawan-kawan berbanding ibubapaku. Bukan bermakna aku tidak sayang ibubapaku, tetapi mereka bukan orangnya untuk aku ceritakan masalah atau gejolak perasaan remajaku. Aku tidak fikir mereka faham perasaanku.

Aktiviti harianku sentiasa dipenuhi dengan aktiviti bersama dua rakan karibku; Danish dan Iwan. Macam-macam yang kami lakukan. Ponteng sekolah, hisap rokok, conteng flat, ringan – ringan dengan budak perempuan di flat, buat seks dengan rakan sekolah, hidu gam, menjadi ahli kumpulan kongsi gelap dan macam-macam perkara lagi. Kadang-kadang kami merayau tidak tentu hala, menyinggah dari satu tempat ke satu tempat, dan menganggu orang lain. Pada kami, semua aktiviti yang dilakukan itu adalah lumrah bagi seorang remaja seusia kami. Rakan-rakan ku yang lain juga melakukan perkara yang sama. Cabar-mencabar untuk menunjukkan kehebatan juga perkara biasa bagi kami.

Aktiviti liarku bersama Danish dan Iwan berterusan sehingga akhirnya bertemu secara tidak sengaja dengan Abang Syauqee, seorang Pekerja Sosial. Dia menyedarkan aku bahawa tingkah laku selama ini adalah menyalahi undang-undang dan boleh dikenakan hukuman jika sabit

kesalahan. Aku cuba untuk berubah. Cuba untuk menjauhkan diri dari semua aktiviti negatif yang sering ku lakukan. Tetapi jujurnya perubahan itu terlalu sukar. Aku jadi bosan. Lebih-lebih lagi aku tiada sesiapa selain dari Danish dan Iwan. Ibubapaku langsung tidak ambil peduli apa yang aku lakukan.

Adakah salah aku mengharapkan orang sekeliling membantu perubahanku? Adakah aku kurang kasih sayang dari ibu ayah menjadikan aku liar sebegini? Adakah aku memang tidak lagi boleh berubah?



## CADANGAN INTERVENSI

Dalam kes ini, dapat dilihat bahawa klien ingin berubah daripada melakukan tingkah laku berisiko namun masih tidak mempunyai kekuatan dan cepat merasa bosan kerana kekurangan sokongan. Sehubungan itu, Pekerja Sosial boleh bertindak dengan mengembalikan hubungan kekeluargaan kepada yang lebih harmoni sebagai sumber utama yang dapat menyokong perubahan kepada klien. Melalui penilaian situasi yang dilakukan, gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibubapa klien adalah *permissive neglected* memandangkan ibubapa sangat sibuk bekerja, tidak memantau perlakuan anak serta tidak mempunyai masa berkualiti bersama anak. Jenis gayakeibubapaan sebegini menyebabkan kanak-kanak tidak mempunyai asas kepercayaan kepada ibubapa dalam meneroka dunia, sebaliknya menyebabkan kanak-kanak lebih mempercayai kawan-kawan atau orang luar yang rapat dengannya. Analisis juga menunjukkan keluarga ini mempunyai pengasingan emosi yang mana adakalanya mereka perlukan masa untuk bersama, namun hanya sesekali bersama-sama membuat keputusan.

Pekerja Sosial juga boleh membantu memberi khidmat nasihat kepada keluarga klien untuk senantiasa mengambil berat klien serta

memantau tingkah laku yang boleh memudaratkan klien agar klien tidak terlibat dalam perkara yang menyalahi undang – undang. Institusi kekeluargaan perlu diperkuuhkan kerana umumnya remaja yang bertindak diluar kawalan mahukan perhatian dari ibu bapa. Dalam usaha menarik perhatian ibu bapa menyebabkan klien bertindak di luar kawalan. Oleh yang demikian, terapi keluarga Aqil yang berfokus kepada komunikasi amat sesuai dijalankan ke atas keluarga ini bagi mengembalikan kefungsian keluarga terutama dalam aspek komunikasi keluarga. Aktiviti-aktiviti yang dirancang haruslah bersesuaian untuk meningkatkan komunikasi dan perapatan keluarga ini.

Selain daripada itu, klien perlu dirujuk kepada kaunselor diberi kaunseling individu. Ini bagi meningkatkan resiliensi diri dan memperkasakan sokongan keluarga klien kerana dikhuatiri klien akan melakukan jenayah yang lebih berat seperti terlibat dengan dadah, membunuhan atau merompak di kemudian hari. Pendekatan modifikasi tingkah laku boleh digunakan setelah klien bermotivasi untuk berubah dengan menganalisis terlebih dahulu kefungsian tingkah laku klien.

Memandangkan klien adalah anak tunggal, maka melibatkan klien dalam program yang sesuai dapat membantu meningkatkan kemahiran sosial klien ke arah yang lebih positif. Program komuniti setempat seperti mento mantee di mana klien digandingkan bersama dengan ahli masyarakat yang produktif untuk dijadikan contoh membolehkan corak pemikiran dan tindakan klien lebih terkawal kerana lazimnya mentor banyak mempengaruhi klien dalam sebarang tindakan yang akan diambil. Dengan program seperti ini juga, klien dapat dibimbing secara peribadi dan klien dapat merasakan bahawa beliau boleh menjadi insan yang dapat menyumbang kepada masyarakat di masa hadapan.



## **TIPS KEPADA REMAJA**

Jika anda menghadapi masalah seperti Aqil;

1. Jangan bertangguh untuk berubah, sebaliknya segera bertekad untuk meninggalkan tingkah laku negatif
2. Melibatkan diri dengan aktiviti yang berfaedah seperti bersukan atau membaca.
3. Muhasabah diri dan membuat tindakan yang positif
4. Berjumpa dengan kaunselor berdaftar di agensi kerajaan seperti di Pusat Remaja Kafe@Teen yang bertempat di beberapa bandar utama
5. Ambil seorang tokoh yang anda kagumi (seperti Nabi Muhammad s.a.w., Profesor Ungku Aziz) untuk dijadikan suri teladan.



## Kisah 16: AWAN HITAM YANG TIDAK BERHUJAN

Oleh: Nurul Ayesha Ahmad Annuar



“Mak Ngah tolonglah kali ini sahaja saya nak pinjam lima puluh ringgit nak bawa ibu ke klinik, tolonglah” Aku merayu kepada Mak Ngah. Kalau tidak kerana keadaan kesihatan ibu yang semakin teruk tidak hingin aku menjelak kaki ke rumah peninggalan atok ini.

“Dasar keluarga tidak tahu malu! Aku benarkan kamu anak beranak menumpang di tanah aku ini pun dah cukup bagus. Ada hati nak perhabiskan harta benda aku lagi?” Sergah Mak Ngah menolak permintaan kecil ku.

“Tolonglah Mak Ngah, ibu sakit sampaikan nak bangun pun tidak boleh. Mak Ngah tak kesian pada ibu ke?” Aku masih mencuba menebalkan muka merayu kepada insan yang berhati batu di hadapanku.

“Kesian? Mak kau itu lebih baik mati daripada hidup tak habis-habis menyusahkan orang. Ada suami pun suami lari, memang nasib perempuan sundal.....”

PANGGG!

Aku tidak tahu datang daripada mana kekuatan dan keberanian ini, sedar-sedar tanganku telah menyinggah ke wajah Mak Ngah lalu menghentikan sumpah seranah yang keluar daripada mulut puaka si tua itu.

“Masyallah apa yang kau dah buat ni Harun?” Jerit Kamariah anak bongsu Mak Ngah yang sejak daripada tadi hanya menjadi penonton drama makian ibunya terhadap aku.

Aku hanya terdiam kaku melihat tubuh gempal Mak Ngah terbaring di tepi TV tidak bergerak. Kuat sangat ke tamparan aku? Pelik, sikit pun aku tidak berasa takut atau bersalah. Malah aku merasakan sangat

puas dan gembira dengan apa yang berlaku pada Mak Ngah. Itulah makanannya bagi orang yang suka menghina keluargaku. Sudah lama aku pendam dan berdiam melihat ibu diperlakukan seperti binatang jalanan yang ingin tumpang tempat berteduh.

Semenjak ayah meninggalkan kami sekelurga tanpa berita lima tahun yang lalu kehidupan kami terutamanya ibu sangat menderita. Ibu menyara kami anak beranak dengan hasil titik peluhnya mengambil upah membasuh pinggan di Warung Pak Basir dan kadang-kadang mendapat upah tempahan kuih daripada orang kampung. Menjadi ibu tunggal dengan tiga orang anak yang masih bersekolah bukan satu tanggungjawab yang mudah.

Tambahan pula ibu anak yatim piatu dan tiada adik beradik. Status ibu sebagai warganegara Indonesia menambahkan lagi drama dalam kehidupannya sebagai anak rantau. Alhamdulillah kami adik beradik mempunyai sijil lahir dan merupakan warganegara Malaysia. Kalau tidak, sudah tentu kami akan hidup berkelana di tanah air sendiri.

Mak Ngah yang merupakan kakak kepada ayah semenjak dari dahulu tidak sukakan ibu. Mana tidaknya ibu bukan calon adik ipar terpilih. Menurut ibu, Mak Ngah ingin menjodohkan ayah dengan adik angkatnya. Ibu didakwa sebagai perosak rancangan tersebut. Maka semenjak itulah ibu dilayan seperti kain buruk yang digunakan sehingga lusuh lalu ditinggalkan begitu sahaja semenjak ketiadaan ayah.

Aku masih ingat pernah satu ketika aku tidak mahu meneruskan persekolahan. Aku tidak sanggup menyusahkan ibu mencari rezeki seorang diri. Tambahan pula hati aku tidak ada di sekolah. Rakan-rakan di sekolah suka mengejek aku dengan kata-kata yang menguris hati. Anak ‘indon’, ‘emak sundal’, ‘bapak kaki botol’ dan yang paling aku tidak sanggup dengar ada yang mengatakan aku ‘anak haram’. Hati kecil aku selalu berkata berdosa ke mempunyai ibu berwarganegara

Indonesia. Tidak layakkah aku untuk hidup seperti kanak-kanak lain di Malaysia? Memang tiada tempat untuk aku dan adik-adik serta ibu di negara yang berdaulat ini ke?

Namun begitu dengan semangat serta nasihat ibu aku teruskan juga persekolahan. Aku tidak mahu ibu menangis dan susah hati. Maka aku kuatkan diri sehingga menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Sementara menunggu keputusan SPM dapatlah juga aku membantu ibu serba sedikit dalam mencari rezeki.

“Harun bin Bakar, awak faham atau tidak terhadap hukuman yang telah dijatuhkan kepada awak?” Suara garau Tuan Majistret mematikan khayalan aku. Aku mengangguk sepi sebagai isyarat aku faham hukuman yang telah dikenakan ke atasku akibat perbuatanku yang mencederakan Mak Ngah walaupun sebenarnya tubuh aku sahaja berada di kamar bicara tapi fikiran dan jiwa ku telah jauh melayang dan tidak ingin pulang.

Aku telah dijatuhkan hukuman menjalani Perintah Khidmat Masyarakat, sebagai Pesalah Muda dibawah seksyen 293 Kanun Tatacara Jenayah selama 180 jam kredit dalam tempoh dua tahun di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Laporan Pesalah Muda yang telah disediakan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah telah menyelamatkan aku daripada dipenjarakan memandangkan ini merupakan kesalahan pertama dan aku belum pernah mempunyai rekod jenayah lampau. Maafkan Harun ibu kerana telah melukakan hati ibu dengan perbuatan Harun yang memalukan ibu. Apa yang kurasakan kini masa depanku gelap dan masalah tidak akan pernah berakhir seperti awan hitam yang tidak berhujan. Kelam dan berat penuh dengan ranjau dan duri kehidupan yang menyakitkan.





## CADANGAN INTERVENSI

Kajian dan penilaian terhadap sesuatu kes akan dibuat terlebih dahulu sebelum Pekerja Sosial menentukan intervensi yang sesuai untuk mengendalikan sesuatu kes yang dirujuk. Terdapat pelbagai model dan intervensi yang boleh digunakan dalam membantu klien mengikut keperluan dan matlamat yang telah dibincangkan bersama Pekerja Sosial dengan klien.

Pendekatan psikososial boleh digunakan dalam menilai situasi bermasalah kerana tingkah laku klien adalah didorong oleh faktor psikologi dan sosial. Klien dipercayai berhadapan dengan krisis psikososial yang mana berlaku tekanan dan ketegangan dalam beberapa tahap perkembangan psikososialnya yang mendorong klien bertingkah laku negatif atau di luar kawal.

Tiga faktor yang mempengaruhi perkembangan klien sebagai individu ialah faktor kendiri, emosi dan sosial. Sesuatu masalah itu wujud disebabkan berlakunya ketidakseimbangan antara manusia dan persekitarannya. Oleh hal yang demikian, Pekerja Sosial bertanggungjawab untuk membantu klien mengurangkan ketidakseimbangan tersebut agar klien dapat meningkatkan kefungsian sosial mereka.

Merujuk kepada kes ini, klien berhadapan dengan persekitaran serta pengalaman hidup yang tidak harmoni. Perkembangan sosial yang negatif ini membentuk satu set pemikiran dan kognitif yang negatif juga terhadap orang sekeliling dan kepercayaan hidup. Latar belakang yang menunjukkan klien sering ditindas dari segi emosi semenjak kecil merupakan indikator mengapa klien gagal mengawal emosinya untuk bertindak agresif. Pengalaman hitam klien juga menjadikan klien berputus harap dan merasakan diri gagal dan tidak akan boleh mencapai kejayaan dalam hidup. Berdasarkan daripada dapatan

penilaian situasi ini, klien perlu dibantu agar bebas daripada krisis psikososial serta meningkatkan kembali self-esteem klien.

Pekerja Sosial boleh bekerjasama dengan kaunselor atau ahli psikologi keperluan melakukan pendekatan penstrukturran semula kognitif (CR) klien yang mana ia merupakan satu bahagian yang penting dalam *Cognitive Behavioural Therapy* (CBT). Model CR digunakan untuk membantu klien berfikir secara berbeza agar dapat menukar pemikiran yang negatif kepada pemikiran yang lebih rasional, realistik, dan positif. Pada peringkat awal, Pekerja Sosial akan menilai pengherotan kognitif (cognitive distortion) yang berlaku dan melakukan analisis kefungsian. Klien turut diminta untuk membuat catatan di dalam buku log enam langkah yang perlu diambil sepetimana yang dicadangkan dalam pendekatan CR. Catatan ini bertujuan untuk melatih klien berfikir dahulu sebelum membuat sebarang tindakan atau melahirkan sebarang perasaan terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari klien. Lama kelamaan sepanjang tempoh latihan CR ini dilakukan klien mampu dengan sendirinya mempunyai pemikiran positif tanpa perlu membuat catatan. Selain itu, klien juga akan dibantu untuk menguruskan kemarahan dan meningkatkan resiliensi agar mampu mengawal emosi apabila berhadapan dengan pelbagai lagi masalah di masa hadapan.

Pengawasan dengan sentiasa mengamalkan komunikasi berkesan dilakukan sepanjang tempoh klien menjalani hukuman Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) agar semangat serta motivasi klien dapat dipulihkan. PKM bukan sahaja bertujuan untuk memberikan hukuman semata-mata ianya juga bertujuan untuk memulihkan serta memberikan keinsafan kepada pesalah muda. Dalam masa yang sama, Pekerja Sosial perlu memastikan hukuman khidmat masyarakat dilaksanakan dengan sempurna oleh klien. Adanya seorang Pekerja Sosial bagi seorang klien yang juga merupakan seorang kanak-kanak

boleh menjadi faktor penting untuk kesejahteraan diri serta prognosis setelah selesai hukuman.

Pekerja Sosial juga tidak mengabaikan keperluan keluarga klien yang memerlukan bantuan kebaikan untuk menampung kekurangan sumber ekonomi. Ibu klien dipertimbangkan bantuan kewangan bulanan di samping diberikan latihan keusahawanan serta modal berskala kecil untuk membuat perniagaan tempahan kuih. Melalui program ini pendapatan keluarga ini akan bertambah dan kelangsungan hidup akan lebih baik dan terjamin. Hal ini adalah kerana didapati selain daripada faktor krisis psikososial, masalah kewangan keluarga juga menjadi punca utama kefungsian sosial klien dan keluarga terjejas.



## TIPS JIKA KANAK-KANAK DIBULI

1. Sekiranya berhadapan dengan situasi dibuli atau dikasari secara fizikal, mental atau emosi di sekolah, segeralah mendapatkan khidmat bantuan daripada pihak sekolah seperti kaunselor, cikgu disiplin atau orang dewasa yang boleh dipercayai.
2. Masyarakat memainkan peranan yang penting dalam mencipta kesejahteraan persekitaran. Didik orang sekeliling terutamanya kanak-kanak untuk tidak bersikap diskriminasi dan perkauman. Setiap manusia itu berhak untuk hidup dengan aman dan damai tanpa mengira latar belakang agama.
3. Jika emosi tertekan dan tiada tempat untuk berkongsi perasaan boleh menghubungi Talian Kasih 15999 untuk mendapatkan khidmat tele-kaunseling atau terus ke mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat yang berhampiran untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling.

## Rujukan Tambahan

Abdul Razak Abd Manaf. (2006). *Pendekatan Kerja Sosial dalam intervensi Keluarga*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia

Collins, D., Jordan, C., & Coleman, H. (2016). *An introduction to family social work*. Thomson Learning, Belmont, USA

Gambrill, E. D. (2013). *Social work practice: A critical thinker's guide*. New York: Oxford University Press.

Hepworth, D. H., Rooney, R. H., Rooney, G. D., & Strom-Gottfried, K. (2017). *Direct social work practice: Theory and skills*. Cengage Learning, Belmont, USA

LeCroy, C. W. (2014). Case studies in social work practice. Hoboken, New Jersey : Wiley

Holosko, M. J., Dulmus, C. N., & Sowers, K. M. (2013). *Social work practice with individuals and families: Evidence-informed assessments and interventions*. Hoboken, New Jersey; John Wiley & Sons.

Shulman, L. (2009). *Skills of helping individuals, families, groups and communities*. Ed. Ke-6. London: Thompson Learning

